


Jilid II  
Bil. 8

Hari Khamis  
22hb Mac, 1984



**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**  
*Second Session*

## **KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 1101]**

### **RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1982 dan 1983) [Ruangan 1148]

Rang Undang-undang Kawalan Timah (Pindaan) [Ruangan 1174]

Rang Undang-undang Tabung Pertahanan Negara (Pembubaran dan Pemindahan) [Ruangan 1202]

Rang Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) [Ruangan 1214]

### **USUL-USUL:**

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 4), 1982 dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1983 [Ruangan 1148]

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KEENAM**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEDUA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

” Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

” Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

” Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

” Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

” Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

” Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

” Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

” Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

” Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

” Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

” Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

” Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

- Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, Abang Abu Bakar bin DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMAD (Machang).
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- ” Timbalan Menteri Pelajaran, DATO’ DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- ” Timbalan Menteri Pelajaran, DATO’ MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P. (Temerloh).
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- ” Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO’ LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- ” Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).

- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- ” TUAN ABDULLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- ” TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- ” TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- ” DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- ” TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- ” TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- ” DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- ” DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- ” TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- ” TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- ” DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- ” TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- ” TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- ” TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- ” TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- ” TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- ” DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- ” TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- ” DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- ” DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- ” TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- ” DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- ” TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- ” TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- ” TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- ” TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).

Yang Berhormat DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S.  
(Batang Lumar).

- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J.  
(Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N.  
(Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P.  
(Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I.,  
J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N.,  
P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOJHD. ISA,  
S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S.  
(Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T.,  
P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).

- Yang Berhormat DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N.,  
K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID,  
P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,  
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K.  
(Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S.  
(Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J.,  
S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N.,  
J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF,  
P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P.,  
P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N.,  
B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P.  
(Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ,  
P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P.  
(Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).

Yang Berhormat TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K.  
(Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.I. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S.,  
K.M.N. (Tanjong Karang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Khamis, 22hb Mac, 1984

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mem-  
pengerusikan Mesyuarat*JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAANPERKHIDMATAN BOMBA  
SARAWAK—PEMBELIAN  
KERETA BOMBA BARU

**1. Tuan Richard Dampeng Anak Laki** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilakah alat-alat kelengkapan bomba bagi Negeri Sarawak akan diperuntukkan seperti jawapannya pada 24hb November, 1982 dan memandangkan berita yang diterima baru-baru ini bahawa alat-alat baru adalah untuk bandaraya besar dan oleh demikian bandar-bandar kecil seperti Sarikei, Binatang, Serian dan lain-lain lagi akan dikekalkan dengan alat-alat baru. Jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan bahawa setakat hari ini Perkhidmatan Bomba Negeri Sarawak telah dibekalkan dengan sebuah kereta bomba jenis tangga berputar tinggi 45 kaki metre dengan harga sebanyak \$892,000.

Enam unit lagi jenis bertangi 400 gelen berharga \$1,260,000 sedang diuruskan untuk dihantar dari Pelabuhan Kelang ke Sarawak. Kereta-kereta ini akan diletakkan di bandar-bandar utama buat permulaan ini

mengikut nilai dan risiko kebakaran yang ada. Walau bagaimanapun, satu daripadanya akan ditempatkan di Sarikei.

Kementerian saya tidak melupakan keperluan bandar-bandar kecil. Beberapa kereta bomba baru untuk Sarawak dijangka akan ditetrima lagi di akhir tahun 1984 ini dan proses-proses pembekalan sedang diuruskan dan dengan itu nescaya tiap-tiap balai bombo di Sarawak akan juga memperolehi nyai kereta-kereta bomba baru termasuklah Binatang dan Serian.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kereta bomba yang dilengkapi dengan converted backford engine yang dapat berjalan dengan lambat sahaja masih digunakan di Sarawak dan kereta bomba itu tidak begitu berkesan untuk mengatasi masalah kebakaran di Sarawak. Jika beliau sedar, apakah langkah akan diambil untuk memberi kereta bomba yang baru.

Soalan yang kedua, satu masalah lagi yang dihadapi oleh Jabatan Perkhidmatan Bomba di Sarawak adalah kekurangan kakitangan yang berkelayakan dan ahli pasukan bomba yang berjumlah lebih kurang sebanyak 100 orang di dalam negeri Sarawak keseluruhannya, apakah rancangan rekrutmen akan dijalankan untuk mengatasi masalah ini?

**Tuan S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang pertama, saya telahpun menerangkan dalam jawapan saya bahawa 6 buah unit kereta bomba baru telahpun dibeli dan sedang dalam proses penghantaran

dari Pelabuhan Kelang ke Sarawak. Begitu juga untuk menggantikan kereta-kereta yang difikirkan tidak berkesan akan digantikan dengan kereta-kereta yang baru berjumlah 16 buah yang akan dibeli pada akhir tahun 1984.

Yang kedua tentang kekurangan kakitangan di Perkhidmatan Bomba di Sarawak, adalah benar bahawa banyak jawatan-jawatan belum diisi di Jabatan Perkhidmatan Bomba di Sarawak. Ini adalah disebabkan oleh kerana Kerajaan telah membekukan semua jawatan-jawatan yang kosong sebagai satu langkah berjimat cermat buat masa sekarang. Walau bagaimanapun, Kementerian saya sedang mengambil langkah-langkah untuk mendapat keizinan untuk mengisi jawatan-jawatan yang kosong yang terdapat di Sarawak.

### **MUTU BEKALAN UBAT JEMAAH HAJI MALAYSIA—**

**2. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan** minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan beribu-ribu rakyat Malaysia menunaikan fardhu haji tiap-tiap tahun ke Mekah, adakah ubat-ubat yang dibekalkan kepada hospital-hospital Malaysia di Negeri Arab Saudi sesuai dengan iklim di sana atau ubat-ubat yang sama yang digunakan dalam Malaysia dibekalkan kepada bakal-bakal haji di sana.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Puan Shariffah Dorah binti Syed Mohammed):** Tuan Yang di-Pertua, ubat-ubat yang dibekalkan untuk kegunaan jemaah haji Malaysia adalah ubat-ubat yang sesuai dengan keadaan iklim dan keperluan kesihatan di Tanah Suci.

Ubat-ubat itu telah dikaji dan dicadangkan oleh pakar-pakar perubatan dan doktor-doktor yang berpengalaman yang telah beberapa tahun berkhidmat di Tanah Suci dalam Rombongan Perubatan Malaysia. Ubat-ubat itu adalah sama seperti yang digunakan di hospital-hospital di Malaysia dan di

antaranya dibeli oleh Lembaga Tabung Haji di gedung-gedung ubat tempatan serta di kedai-kedai ubat di Tanah Suci.

**Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu memandangkan banyaknya berlaku kematian di kalangan jemaah-jemaah haji dari Malaysia semasa menunaikan fardhu haji, adakah persediaan pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini tidak begitu mengawasi keseluruhan jemaah-jemaah haji kita dari segi menyediakan kadar bilangan doktor. Jadi saya ingin tahu berapakah kadar seorang doktor untuk melayani ahli-ahli jemaah haji kita?

**Puan Shariffah Dora binti Syed Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa jumlah jemaah haji yang meninggal dunia pada tahun 1983 ialah 103 orang dan kesemuanya adalah yang telah mencapai umur 70 tahun ke atas dan memang itulah kadar jangka hayat yang biasa.

Berhubung dengan kadar doktor bagi memberikan rawatan kepada jemaah-jemaah haji kita, iaitu jemaah haji kita lebih kurang 24,000 orang dan 16 orang doktor, kesemuanya terdiri daripada pakar-pakar perubatan dan 50% adalah yang berpengalaman semata-mata untuk memberi perkhidmatan yang memuaskan kepada jemaah haji kita berbanding dengan penduduk Baling yang mempunyai jumlah penduduk 125,000 orang hanya disediakan seramai 4 orang doktor sahaja. Jadi, bermakna tiap-tiap 1,500 jemaah haji kita berbanding dengan penduduk ada satu doktor untuk merawat mereka.

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri adakah benar apa yang saya dapat laporan daripada rakyat Malaysia yang menunaikan fardhu haji memberitahu apabila

mereka menunaikan fardhu haji mendapat, katalah demam, sakit perut, muntah cirit apapun kadang-kadang itu doktor-doktor ini cuma memberi panadol sahaja. Adakah benar perkara ini. Kalau benar, apakah tindakan-tindakan tertentu bagi mengatasi supaya rakyat Malaysia yang menunaikan fardhu haji mendapat layanan yang sempurna bagi menunaikan fardhu hari ini.

**Puan Shariffah Dora binti Syed Muhamed:** Tuan Yang di-Pertua ubat-ubat yang diberi kepada jemaah-jemaah haji kita adalah ubat-ubat yang baik yang sama juga bagaimana yang digunakan di Mekah sana iaitu kesemuanya dipesan daripada London, Jerman dan juga lain-lain. Jadi, adalah tidak tepat dan tidak betul jika sekiranya Ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa pesakit-pesakit yang mengidap cirit birit dan lain-lain sakit itu hanya diberikan panadol semata-mata kerana sebagaimana yang saya telah beritahu tadi iaitu bilangan doktor yang kita hantar ke sana adalah terdiri daripada 50% doktor-doktor yang berpengalaman kerana kita mengutamakan perkhidmatan kepada pesakit-pesakit dan ahli-ahli jemaah kita.

### **PKEN-PKEN DAN ANAK-ANAK SYARIKAT**

**3. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan bagaimanakah Kementerian dapat memastikan kawalan berkesan dan sepenuhnya terhadap PKEN-PKEN dan syarikat-syarikat anak mereka, memandangkan PKEN-PKEN adalah ditubuhkan di bawah nakmen Negeri-negeri dan dimiliki oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Tidakah setengah peruntukan kawalan di bawah "Competency Act" menyulitkan PKEN-PKEN dan syarikat-syarikat anak mereka, dan bercanggah dengan hakikat bahawa PKEN-PKEN adalah milik Kerajaan Negeri dan tanggungjawab atas PKEN adalah tanggungjawab Negeri.

**Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, PKEN-PKEN adalah ditubuhkan mengikut Enakmen Negeri masing-masing. Namun demikian ianya adalah tertakluk kepada Akta Permerbadanan iaitu kelayakan pihakberkuasa perundangan negeri tahun 1981 dan pindaan 1981 iaitu satu Akta yang diluluskan oleh Parlimen.

Enakmen penubuhan PKEN adalah selaras dengan peruntukan-peruntukan dalam Akta Permerbadanan. Ini bermakna sungguhpun PKEN-PKEN adalah ditubuhkan mengikut enakmen kerajaan negeri tetapi perjalanan PKEN-PKEN berkenaan juga tertakluk kepada peruntukan-peruntukan di dalam Akta Permerbadanan itu di mana telah diperuntukkan dengan jelas kuasa Kerajaan Persekutuan ke atas perbadanan-perbadanan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, tidaklah dinafikan bahawa PKEN adalah merupakan salah sebuah agensi Kerajaan yang ditubuhkan di peringkat negeri. Walau bagaimanapun, matlamat penubuhannya adalah sebagai jentera Kerajaan bagi melaksanakan dasar-dasar yang telah ditetapkan. Oleh yang demikian peruntukan yang terdapat dalam Akta Perbadanan tidaklah seharusnya dianggap sebagai menyulitkan operasi kan aktiviti-aktiviti PKEN-PKEN peruntukan-peruntukan tersebut adalah perlu bagi mengawasi dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti PKEN-PKEN sejajar dengan peranannya sebagai agensi amanah untuk kaum bumiputra dalam mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Di samping itu juga PKEN-PKEN adalah menerima bantuan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan melalui pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan Negeri dan dipinjamkan semula kepada PKEN-PKEN.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga 15.3.1984 ini sejumlah \$1,625,904,061.00 telahpun diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada PKEN-PKEN sebagai pinjaman. Dengan demikian, adalah perlu susulan dan kawalan yang

berkesan dibuat oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perusahaan Awam untuk memastikan bahawa peruntukan tersebut digunakan untuk tujuan-tujuan yang telah ditentukan dan selaras dengan dasar-dasar Kerajaan.

Selain dari tindakan susulan yang sentiasa dijalankan Kementerian adalah juga menjalankan kerja-kerja mengkoordinasi antara PKEN dengan agensi-agensi peringkat Persekutuan dan sebaliknya pula dalam perkara dasar, garis panduan, keperluan peruntukan dan keputusan-keputusan yang memerlukan tindakan dan susulan. Kawalan yang berkesan terhadap sesebuah agensi seperti PKEN juga adalah amat berfaedah untuk menilai prestasi agensi tersebut.

Untuk menilai dan mengawasi aktiviti-aktiviti PKEN-PKEN ini Kementerian telah melantik wakil-wakil Kerajaan Persekutuan salah seorangnya daripada wakil Kementerian Persekutuan-wakil Kementerian Perusahaan Awam sendiri bagi menduduki Lembaga Pengarah PKEN-PKEN yang berkesan sebagaimana yang dikehendaki dalam Akta Pembedanaan.

Selain daripada melaksanakan kehendak-kehendak yang diperuntukkan dalam Akta kawalan secara pentadbiran telah dan akan dilaksanakan untuk tujuan ini.

Kementerian telahpun menubuhkan sistem maklumat pengurusan yang menggunakan komputer di Kementerian saya.

Maklumat-maklumat secara berkala ini dikumpulkan untuk dianalisa dan dibuat penilaian. Di antara data-data yang dikumpulkan adalah meliputi prestasi syarikat-syarikat PKEN, pelaksanaan projek-projeknya, keahlian Lembaga Pengarah dan sebagainya. Pembentukan sistem ini adalah memerlukan kerjasama yang rapat dan sukalah saya menyatakan bahawa kerjasama ini telah pun terdapat antara Kementerian dengan PKEN-PKEN dan syarikat-syarikat di bawah mereka.

Dengan cara ini Kementerian dapat mengawasi aktiviti PKEN-PKEN yang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu Kementerian juga telah menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa tertentu seperti Jawatankuasa Tetap Penyelarasan PKEN dan juga Jawatankuasa Pinjaman PKEN yang berfungsi untuk mengawasi dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti PKEN agar sejajar dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Setakat ini adalah didapati bahawa jentera pengawasan yang disebutkan tadi adalah berkesan. Walau bagaimanapun, jentera pengawasan ini akan sentiasa dikaji dari semasa ke semasa.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-pertua, suka saya bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkesan sama ada beliau mempunyai angka-angka mengenai berapa banyak kerugian yang dialami oleh PKEN sehingga hari ini dan sama ada pihak Kementerian yang berkesan bercadang untuk menswastakan perbadanan-perbadanan yang mengalami kerugian supaya badan-badan itu dapat dijadikan badan-badan yang dapat mencari keuntungan.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan pertama, saya rasa telah beberapa kali saya beri angka-angka kerugian PKEN itu. Saya minta Ahli Yang Berhormat semaklah Penyata Dewan yang bertulis.

Yang kedua, mengenai penswastakan, Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak wajar bagi Kerajaan menswastakan PKEN itu sendiri kerana PKEN itu adalah satu badan yang merangkumi beberapa matlamat terutamanya matlamat mencapai Dasar Ekonomi Baru dan juga menyusun semula masyarakat tetapi apa yang mungkin dipertimbangkan untuk diswastakan ialah anak-anak syarikat ataupun projek-projek PKEN. Ini telah pun dibuat dengan cara Kementerian mengeluarkan arahan kepada PKEN-PKEN untuk mengesan dari manakah

projek-projek mereka ataupun anak-anak syarikat mereka yang boleh diswastakan mengikut formula-formula yang sewajarnya sama ada dari segi menjual saham, melibatkan penyertaan bumiputera dalam ekuiti ataupun menjemput usaha sama dalam projek yang berkenaan.

**Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim:** Tuan Yang dipertua, soalan tambahan. Adakah juga menjadi dasar Kementerian supaya di dalam mengawalkan kegiatan-kegiatan anak-anak syarikat PKEN-PKEN untuk mengarahkan PKEN-PKEN ini menutup syarikat-syarikat yang tidak menguntungkan dan juga untuk syarikat-syarikat yang mendapat keuntungan yang baik dibeli ataupun diambilalih oleh PNB seperti yang sedang berjalan sekarang ini.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, apabila kita sebut tentang anak-anak syarikat PKEN yang rugi maka di sini hendaklah kita teliti tahap kerugian. Kalau hanya setakat membuat kerugian semasa padahal ada masa hadapan yang cerah dari segi operasi, keuntungan operasi maka dianggap tidaklah wajar bagi syarikat-syarikat ini ditutup atau dipindahmilik kerana kemungkinan PKEN sendiri boleh mengubahsuaikan apa-apa yang perlu seperti penyusunan kewangannya, pemasarannya, pentadbirannya untuk membolehkan anak-anak syarikat itu mendapat keuntungan operasi ataupun keuntungan semasa bagi masa-masa akan datang. Tetapi apabila kerugian itu telah sampai kepada satu tahap di mana terdapat kerugian terkumpul, dengan izin accumulated losses yang bertahun-tahun lamanya iaitu jauh melebihi tarikh yang sewajarnya kalau mengikut norma-norma industri sedemikian kalau misalnya di dalam sebuah syarikat swasta ia mengambil masa tiga tahun dapat untung, kalau anak syarikat PKEN ini selepas tiga tahun belum juga untung, kemudian tujuh, lapan tahun masih belum juga untung, maka haruslah dipandangkan serius perkara ini dan tindakan untuk menutup kemungkinan diambil.

Tetapi kalau pun beberapa tahun kemudian masih juga rugi dan setelah dinilai semula atau ditinjau semula ada kemungkinan diperbaiki prestasi syarikat maka Kementerian telah mengarah supaya diambil satu langkah yang dipanggil pemulihan yang mana pemulihan ini dibuat antara Kementerian sendiri dengan sebuah syarikat perundingan yang mana pemulihan bererti meneliti keseluruhan syarikat itu, menengok di manakah kelemahannya wujud yang telah mendatangkan kerugian berpanjangan tadi. Dan bagi syarikat-syarikat yang boleh dipulihkan semula ini tindakan pemulihan akan diambil supaya menguntungkan semula. Dan kemudian apabila telah didapati bahawa wajar diserahkan pada rakan usaha sama diserahkan pada swasta akan dibuat demikian.

Mengenai syarikat-syarikat yang telah pun disenaraikan untuk diserahkan kepada PNB ini ada dua caranya. Pertama, Kementerian sendiri atas inisiatifnya menyenaraikan syarikat-syarikat PKEN yang telah mendapat untung yang baik dan dikemukakan untuk Kerajaan Pusat menentukan dan kedua Kerajaan Pusat akan meneliti senarai ini dan menentukan yang mana hendak diambil alih dengan formula-formula yang telah diperse-tutujukan.

#### **PENCARUM KWSP BERUGAMA ISLAM MENYEMPURNAKAN FARDHU HAJI**

Tuan Mokhtaram bin Rabidin minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kerajaan bercadang akan mengadakan peraturan bagi membolehkan pencarum KWSP yang beragama Islam dan belum berumur 55 tahun, mengeluarkan sebahagian daripada wang carumannya untuk digunakan bagi menyempurnakan Fardhu Haji.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Ling Liong Sik):** Tuan Yang dipertua, Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan peraturan untuk membolehkan pencarum-pencarum KWSP yang beragama Islam mengeluarkan sebahagian daripada wang

carumannya untuk tujuan menunaikan Fardhu Haji. Tambahan pula, buat masa ini sudahpun ada peruntukan membolehkan seseorang pencarum KWSP mengeluarkan satu pertiga daripada carumannya apabila menepai umur 50 tahun.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Baru-baru ini terdapat akhbar-akhbar mengatakan bahawa ada kemungkinan diturunkan had umur untuk mengeluarkan 1/3 daripada simpanan Provident Fund ini kepada daripada 50 kepada 45 tahun. Sama ada perkara ini benar atau tidak, dan kalau benar bila perkara ini akan dilaksanakan?

**Dato' Dr Ling Liong Sik:** Tuan Yang Dipertua, laporan atau khabar angin itu belum sampai ke Kementerian. (*Ketawa*)

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah kedudukan kewangan wang pencaruman daripada orang-orang Islam ini ada dikenakan zakat?

**Dato' Dr Ling Liong Sik:** Minta ulang lagi sekali?

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Wang pencaruman daripada kalangan orang Islam dalam KWSP ini adakah dikenakan zakat dan dikeluarkan zakat?

**Dato' Dr Ling Liong Sik:** Tuan Yang Dipertua, saya hendaklah notis. (*Ketawa*)

**Tuan Yang Dipertua:** Boleh beri notis.

## KAJIAN SEMULA GAJI-GAJI KAKITANGAN KERAJAAN

**5. Tuan Quah Wee Liam** minta Menteri Kewangan menyatakan kedudukan ekonomi negara kita pada masa ini dan adakah kedudukan

ekonomi kita pada masa sekarang boleh membenarkan kajian semula gaji-gaji kakitangan-kakitangan Kerajaan.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Ling Liong Sik):** Tuan Yang dipertua, ekonomi negara pada tahun 1984 dijangka mencapai kadar pertumbuhan sebanyak 6.7% berbanding dengan 6% yang dianggarkan dalam Belanjawan 1984. Ini adalah berdasarkan kepada perkembangan sektor luar yang lebih pesat akibat daripada pemulihan ekonomi antarabangsa pada tahun ini. Jika negara-negara perindustrian terutama sekali negara-negara yang menjadi rakan perdagangan kita tidak mencapai pemulihan yang pesat sepertimana yang diramalkan maka pertumbuhan ekonomi seperti yang diharapkan mungkin tidak dapat dicapai. Suasana ekonomi antarabangsa nampaknya sekarang ini sangat menggalakkan terutama sekali di negara-negara Amerika Syarikat, Canada dan beberapa buah negara di Eropah. Tetapi ada tanda-tanda yang membimbangkan seperti kadar faedah bank yang masih tinggi dan juga kekukuhan matawang Amerika Syarikat. Kedua-dua faktor ini jika berlaku secara berterusan akan membantut proses pemulihan ekonomi dunia yang sedang berlaku sekarang ini.

Oleh itu tidaklah dapat dipastikan sejauh mana ekonomi dunia akan pulih sepenuhnya dan sejauhmana pula ekonomi negara dapat berkembang dengan pesat dalam dua tiga tahun yang akan datang. Memandangkan perkembangan ini kita perlu meneruskan tindakan bagi mengurangkan perbelanjaan Kerajaan yang dimulakan pada tahun 1982 supaya kedudukan Kewangan Kerajaan sentiasa baik dan terkawal dan dengan itu akan dapat memperbaiki lagi kedudukan imbalan pembayaran negara dan seterusnya keadaan ekonomi negara amnya.

Penglibatan pembayaran gaji dan elaun bagi kakitangan Kerajaan sudah merupakan sebahagian besar dari

jumlah Perbelanjaan Mengurus Negara sekarang. Dengan itu adalah tidak begitu sesuai untuk diadakan semakan gaji kakitangan am pada ketika ini memandangkan kepada ketidakpastian keadaan ekonomi negara dalam jangka masa yang pendek ini.

**Tuan Yew Foo Weng:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi dalam jawapan Timbalan Menteri yang berkenaan beliau menyatakan pihak Kerajaan tidak bercadang mengkaji semula gaji untuk pegawai-pegawai Kerajaan am, tetapi pada masa sekarang Kerajaan menaikkan gaji untuk pakar-pakar doktor di hospital, adakah ini merupakan satu keadaan yang boleh membawa kesan seperti pegawai-pegawai Kerajaan dan agensi Kerajaan yang lain pun boleh minta kenaikan gaji oleh sebab pihak Kerajaan adalah memberi kenaikan kepada satu golongan sahaja.

**Dato' Dr Ling Liong Sik:** Tuan Yang Dipertua, saya percaya pengumuman untuk menaikkan gaji doktor-doktor yang baru dibuat ini adalah satu tugas khas yang telah dimulakan pada beberapa tahun dahulu dan tidak boleh diumpamakan seperti sesuatu tugas biasa.

#### **SAMSU GELAP—PENGHAPUSAN**

**6. Tuan V. Govindaraj** minta Menteri Kewangan menyatakan:

(a) sama ada pihak Kementerian akan menggunakan Akta mem-baharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976, secara positif demi kepentingan masyarakat di luar bandar terutama di estet-estet dan lombong-lombong, jika ia, inginkah pihak Kementerian bagi mempertimbangkan untuk mem-batalkan semua lesen-lesen yang dikeluarkan untuk minuman arak samsu yang kualitinya sama seperti samsu haram, yang kini dipasarkan secara leluasan di estet-estet dan lombong-lombong atas nama Cap Tiga Ular, Cap Tiga Kepala dan Cap Orang Tua; dan

(b) sebagai salah suatu langkah untuk mengatasi masalah minuman yang berkualiti rendah di kalangan yang berpendapatan rendah bolehkah pihak Kerajaan mempertimbangkan bagi menghapuskan Cukai Kerajaan terhadap minuman beer.

**Dato' Dr Ling Liong Sik:** Tuan Yang Dipertua, jawapan kepada:

(a) Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976 memang bertujuan untuk melindungi rakyat negara ini dari bahaya samsu gelap. Secara amnya adalah menjadi tujuan Akta tersebut untuk menghapuskan pengilangan, perdagangan dan penggunaan samsu gelap. Kegiatan-kegiatan tersebut merupakan kesalahan di bawah Akta itu.

Berkenaan hal ini, suka-lah saya menyatakan bahawa hukuman yang diperuntukkan di bawah Akta tersebut ke atas seseorang yang mengilang atau-pun memperdagang samsu gelap ialah hukuman penjara di antara 2 hingga 5 tahun dan denda tidak melebihi \$20,000. Sekiranya samsu gelap itu mengandungi bahan-bahan yang merbahaya pula, hukuman yang dikenakan ialah hukuman penjara di antara 4 hingga 10 tahun, didenda tidak lebih dari \$20,000 dan disebat rotan tidak kurang dari 6 kali.

Bagi pengguna-pengguna samsu gelap pula, hukuman yang boleh dikenakan ke atas mereka ialah penjara tidak lebih dari 2 tahun, atau didenda tidak lebih dari \$2,000, ataupun dikenakan kedua-dua hukuman tersebut. Sekiranya samsu berkenaan didapati mengandungi bahan-bahan merbahaya, hukuman yang boleh dikenakan ialah dipen-jara tidak lebih dari 5 tahun dan didenda tidak lebih dari \$2,000.

Dengan itu, sukalah saya menegaskan bahawa sekiranya mana-mana pihak didapati melakukan kesalahan mengilang, memperdagang ataupun mengguna samsu gelap, tindakan undang-undang akan diambil terhadapnya. Disamping itu pihak Kementerian tidak akan teragak-agak untuk membatalkan lesen pengilangan ataupun penjualan minuman keras yang dimiliki oleh pihak tersebut.

- (b) Walaupun pembatalan cukai-cukai atas beer boleh dianggap sebagai satu langkah yang boleh mengatasi masalah penggunaan samsu gelap, Kerajaan tidaklah bertujuan untuk melaksanakan langkah tersebut. Ini adalah disebabkan bahawa pembatalan cukai-cukai atas beer akan mengurangkan sumber hasil Kerajaan.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Soalan tambahan. Saya mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan dan Jabatan Kastam kerana menjalankan undang-undang dengan tegas. Dalam tahun 1983 satu tangkapan besar-besaran telah dilakukan di Telok Intan atau Telok Anson yang mana tangkapan minuman keras dan juga samsu haram ini berharga beratus ribu ringgit. Tetapi dalam tahun 1984 pihak Penguatkuasa Kastam telah menjualkan atau melelongkan minuman keras dan minuman arak ini dan surat penjualan itu ditujukan kepada kakitangan Kerajaan sahaja. Jadi, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu sedar kenapa pihak Kastam hanya menawarkan minuman keras yang dirampas itu ditawarkan kepada kakitangan Kerajaan sedangkan penerapan nilai-nilai Islam adalah tidak membolehkan minuman keras itu dijualkan kepada kakitangan Kerajaan terutama orang Islam.

**Dato' Dr Ling Liong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas galakan yang telah diberikan kepada Kastam. Tetapi kepada soalan yang kedua, Tuan Yang

di-Pertua saya tidak sedar di atas peraturan-peraturan yang ada sekarang dan saya akan siasat.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, dengan adanya samsu gelap ini saya rasa kemungkinan ada samsu cerah atau samsu yang dilesenkan atau yang dihalalkan oleh Kerajaan. Jadi, kalau begitu apakah pihak Kerajaan bercadangan untuk menghapuskan atau mengurangkan lesen bagi membuat samsu ini kerana samsu ini harganya murah dan akan banyaklah orang-orang yang miskin meminumnya dan apabila orang miskin minum sudah tentulah akan jadi; sudahlah banyak bercakap lepas itu bergelimpangan di tepi jalan di sana sini. Ini menggambarkan bahawa negara kita ini penuh dengan samsu-samsu yang tidak gelap yang dihalalkan oleh Kerajaan. Jadi, apakah harapan saya ini dilaksanakan oleh Kerajaan.

**Dato' Dr Ling Liong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, pada ketika ini Kerajaan mengadakan satu sikap yang liberal terhadap minuman samsu cerah dan oleh kerana itu telah beberapa kilang mengilang samsu ini telah dikeluarkan tetapi apa yang Kerajaan sentiasa buat ialah membuat tinjauan di atas supply and demand dan tidak memberi lebih daripada apa yang perlu. Saya percaya dalam keadaan seperti yang ada di negara kita yang berbilang kaum, berbilang kebudayaan dan lain-lain, sikap yang liberal ini adalah memadai.

## SISTEM KESELAMATAN JALAN RAYA (KEJARA)

**7. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sambutan pengguna-pengguna jalan raya kepada Sistem Keselamatan Jalan Raya (KEJARA) yang memberi kepada pemandu yang melaku kesalahan jalan raya. Setakat ini beberapa orang telah diberi mata kesalahan di Wilayah Persekutuan dan adakah Menteri yang berkenaan sedar bahawa

pengawasan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan dan juga pihak polis kurang memuaskan memandangkan bahawa masih terdapat pemandu-pemandu yang melaku kesalahan seperti tidak sabar dan enggan beratur untuk lalu mengikut giliran apabila tiba di persimpangan jalan atau bulatan dan juga memotong tanpa timbang rasa kepada pengguna-pengguna jalan raya yang lain.

**Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang di-Pertua, setakat yang dapat ditunjukkan oleh Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Pengangkutan Jalan sambutan pengguna-pengguna jalan raya kepada Sistem Keselamatan Jalan Raya (KEJARA) yang memberi mata kepada pemandu yang melakukan kesalahan jalan raya adalah menggalakkan. Walaupun begitu, setakat ini belum ada sesiapa pun diberi mata kesalahan oleh kerana Sistem Kejara ini yang telah dilancarkan pada 31hb Januari, 1984 yang baharu lalu belum lagi dikuatkuasakan sepenuhnya. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum dalam tempoh selama 2 bulan daripada tarikh pelancaran Sistem KEJARA ini mata kesalahan tidak diberi kepada pesalah-pesalah yang telah membayar denda (compound) atau disabitkan manamana 21 kesalahan yang berjadual di bawah sistem tersebut bagi tempoh 1hb Februari sehingga 31hb Mac, 1984. Jabatan Pengangkutan Jalan hanya akan menguatkuasakan Sistem Kejara dengan sepenuhnya mulai daripada 1hb April, 1984.

Saya sedar bahawa memang ada pemandu-pemandu yang melakukan kesalahan seperti dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Tindakan telah diambil terhadap mereka di mana perlu oleh Pegawai-pegawai Penguatkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan ataupun pihak polis. Di samping itu kempen-kempen Keselamatan Jalan Raya adalah dijalankan disepanjang tahun oleh Kementerian Pengangkutan bersamasama dengan Jabatan Pengangkutan Jalan dan pihak polis untuk menanamkan tabiat yang baik serta bertimbang

rasa di antara pemandu-pemandu kereta motor di negara ini.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, kempen-kempen Keselamatan Jalan Raya telah dijalankan sepanjang tahun maka dalam kempen keselamatan itu tentang had laju iaitu jalan raya yang paling lambat sebelah kiri sekali, kemudian yang laju sedikit sebelah kanan, yang paling laju sebelah kanan lagi. Maka cara had laju kalau dipandu oleh orang muda berapa had lajunya lain daripada orang tua pandu. Bagaimanakah bagi pihak Kementerian ini membuat sekatan yang paling lambat yang sebelah kiri itu berapa had lajunya, kemudian di tengah berapa lajunya, yang kanan sekali itu berapa lajunya. Jadi, adakah had-had itu telah digariskan ataupun tidak?

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada had laju jalan raya di dalam negara ini, tetapi tidak ada garis panduan untuk satu-satu laluan di dalam jalan raya itu. Misalnya, jikalau ada satu jalan raya yang ada empat laluan, di kanan sekali ialah untuk kereta yang hendak memotong sahaja. Kementerian Pengangkutan telah mengambil inisiatif supaya dapat kerjasama dari pihak swasta untuk membuat beberapa buah rencana filem supaya ditayangkan di TV di mana pemandu-pemandu kereta dapat diberitahu tentang bagaimana cara menggunakan jalan raya yang mengadakan laluan lebih dari dua, misalnya tiga, empat.

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa bas-bas ekspres ini terlalu laju berjalan di atas jalanraya mengatasi semua kereta-kereta di atas jalanraya, seolah-olah mereka sahajalah yang berhak berjalan di atas jalanraya itu. Kempen Jalanraya patutlah diadakan satu kursus sivik ataupun tatarakyat di atas jalanraya kepada pemandu-pemandu

bas ekspres ini. Walaupun ada Bas Mesra tetapi tidak mesra basnya, nama sahaja "Mesra".

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih atas pandangan itu dan saya ambil perhatian tentang gerakan bas ekspres oleh kerana satu masalah yang mungkin dihadapi oleh mereka ialah mereka ditetapkan satu jadual dan mereka harus mengikut jadual itu dan terpaksa barangkali melebihi had laju yang ditetapkan. Saya ingin menyatakan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang katakan lebih elok juga mengadakan satu kursus untuk mereka.

#### **KERETAPI TANAH MELAYU— TANAH SIMPANAN**

**8. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapa ramai setinggan yang tinggal di atas tanah simpanan keretapi yang telah dibersihkan oleh KTM setakat hari ini dan sama ada Kementeriannya akan mengarahkan KTM supaya menaguhkan dulu tindakan pengusiran ke atas 200,000 orang setinggan sehingga suatu masa apabila satu rancangan yang sempurna dan konkrit untuk penempatan semula mereka dirangka.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, sejak awal tahun 1983 hingga bulan Februari tahun ini sebanyak 149 rumah setinggan telah dirobuhkan oleh pihak Keretapi Tanah Melayu.

Sukalah saya menerangkan untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, bahawa pihak Keretapi Tanah Melayu hanya mengambil tindakan untuk merobuhkan rumah-rumah setinggan yang baru dan belum diduduki serta yang masih dalam pembinaan.

Berkenaan dengan setinggan yang lama, rundingan sedang diadakan dengan pihak Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkaitan untuk sama-sama mengatasi masalah ini dan dengan harapan saya masalah setinggan boleh diselesaikan.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan mengapakah setinggan-setinggan boleh berada dalam kawasan-kawasan simpanan atau kepunyaan Keretapi Tanah Melayu, adakah ini berpunca daripada hakikat bahawa Keretapi Tanah Melayu tidak menggunakan sepenuhnya tanah yang diberikan kepada Keretapi Tanah Melayu atau Keretapi Tanah Melayu diberikan tanah yang terlampau melebihi daripada keperluannya yang sebenar? Dan kalau andaian yang kedua ini benar, adakah pihak Keretapi Tanah Melayu bermaksud hendak memulangkan tanah yang lebih yang tidak digunakan oleh Keretapi Tanah Melayu itu kembali kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri supaya dapat diberikan kepada orang ramai yang memerlukan tanah itu untuk tapak tempat tinggal mereka?

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Keretapi Tanah Melayu ialah sebuah, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "corporate body", dengan adanya hak-hak untuk mengadakan tanah reserve untuk kegunaan Keretapi Tanah Melayu sendiri. Ada dua jenis reserve, Tuan Yang di-Pertua, iaitu satu reserve di tepi landasan keretapi di mana dari segi keselamatannya harus dan mesti disimpan satu reserve supaya penduduk-penduduk di tepi landasan keretapi itu tidak membawa kesan yang buruk kepada mereka sendiri ataupun keretapi Tanah Melayu.

Satu jenis reserve lagi ialah kemudahan-kemudahan di dalam stesen-stesen di mana jikalau ada stesen memang ada reserve dekat stesen itu. Reserves ini ialah untuk kegunaan Keretapi Tanah Melayu sendiri.

Satu perkara yang harus diingati sekarang ini ialah Keretapi Tanah Melayu ada rancangan untuk memodenkan landasan keretapi dan di sini Keretapi Tanah Melayu hendaklah mengadakan reserve itu supaya digunakan dalam masa akan datang supaya landasan itu boleh diperbaiki

dan dari segi keselamatan juga setingan-setingan yang menduduki di tepi landasan keretapi itu harus dipindahkan dari tanah itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pihak KTM ada beberapa kali menyatakan bahawa mereka akan merobohkan rumah-rumah setinggan meramai 200,000 orang tanpa apa-apa notis dan tanpa menghiraukan penderitaan mereka yang terlibat, bolehkah kita dapat satu jaminan daripada Kerajaan Persekutuan bahawa bukan sahaja Kerajaan Persekutuan tetapi pun Kerajaan-Kerajaan Negeri akan menganggap masalah ini sebagai satu masalah sosio-ekonomi; bukan satu-satu masalah jenayah dan ianya adalah satu tanggungjawab Kerajaan Pusat khususnya untuk mencari satu rancangan raksaksa dan nasional untuk menempatkan 200,000 orang setinggan sebelum apa-apa tindakan untuk menghalau atau merobohkan rumah-rumah setinggan tersebut diambil, bahawa satu jaminan masa hadapan mereka akan menjadi tugas dan tanggungjawab sosio-ekonomi dan Kementerian tersebut.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, saya menafikan bahawa pihak KTM tidak memberi notis kepada setinggan-setinggan yang menduduki tanah reserve Keretapi Tanah Melayu. Memang setinggan-setinggan ini telah diberi notis dari masa ke semasa untuk mengingatkan mereka bahawa mereka menduduki di atas satu tanah yang disimpan khas untuk kegunaan Keretapi Tanah Melayu.

Saya sedar juga masalah ini ialah satu masalah sosial dan bukan satu masalah yang dihadapi oleh KTM sahaja semata-mata dan sepertimana yang saya memberi jawapan sebentar tadi, pihak KTM dan Kementerian juga telah mengadakan perundingan dengan pihak-pihak Kerajaan Negeri supaya bersama-sama kita boleh mengatasi masalah ini kerana ini adalah satu masalah perumahan yang dihadapi oleh negara keseluruhannya, bukan sahaja oleh pihak KTM.

## MADA—SUMBER AIR

**9. Dato' Haji Abu Bakar bin Umar** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah benar yang sumber air bagi pengairan MADA di Kedah semakin hari semakin kurang yang akan mengakibatkan pada satu hari nanti petani-petani dalam kawasan tersebut akan dapat cuma membuat dan mengusahakan padi mereka setahun sekali sahaja, tidak dua kali setahun seperti sekarang ini, jika benar apakah usaha-usaha dan ikhtiar Kementerian ini bagi mencukupkan air untuk menjayakan skim padi dua kali setahun bagi kawasan tersebut.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa sumber-sumber air iaitu dari hujan, sungai dan ampangan adalah semakin berkurangan bagi kawasan MADA. Apa yang berlaku adalah keperluan air untuk mengairi tanaman padi hingga ke kawasan-kawasan tinggi dan untuk kegunaan domestik dan industri telah bertambah.

Untuk menghadapi kekurangan air bagi keperluan pertanian, domestik dan perindustrian, maka Kerajaan sedang merancang dan mengkaji kemungkinan pembinaan beberapa buah ampangan baru seperti Reman dan Nauh di daerah Sik. Sementara itu Kerajaan sedang melaksanakan Projek MUDA II untuk memperbaiki lagi sistem pengairan yang ada. Antara tujuannya ialah menjimatkan air yang digunakan dengan memperkenalkan amalan pengurusan air yang lebih cekap.

**Tuan Haji Seroji bin Haji Haron:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar dengan adanya penubuhan KEDA iaitu Lembaga Kemajuan Lembah Kedah, prestasi MADA berkurangan di segi kegiatannya?

**Dr Goh Cheng Teik:** Tidak benar, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri

tadi menyebutkan tentang satu projek iaitu Reman, Nauh dan juga satu lagi ialah Jeniang Transfer yang mungkin akan dilaksanakan di Kedah dan perkara ini akan menyebabkan sebuah kampung ataupun dua buah kampung akan ditenggelamkan.

Soalan saya adakah pihak Kerajaan akan melibat masalah-masalah sosial bagi kampung-kampung yang mungkin ditenggelamkan ini apabila kita mengadakan ampangan untuk menakung air? Soalan yang kedua, tempat takungan itu ataupun punca takungan itu adalah terletak di kawasan Pedu dan Gubir di daerah Sik dan juga Padang Terap. Air dialirkan daripada daerah ini ke daerah Pendang dan Kota Setar dan juga sekitarnya yang mendapat hasil daripada ini tetapi tidak dapat kepada penduduk-penduduk di persekitaran yang juga mengerjakan pertanian ini. Adakah Kerajaan bercadang untuk memberikan kemudahan kepada penduduk-penduduk di persekitaran kawasan di mana kawasan tadahan ini dibuat?

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang Dipertua, projek-projek yang saya sebutkan tadi sedang dalam peringkat penyelidikan, penyiasatan dan perancangan dan belum lagi mendapat kelulusannya dari segi kewangan. Walau bagaimanapun Kementerian saya serta Kerajaan Negeri yang berkenaan sedar atas masalah penduduk-penduduk kampung yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan Kerajaan tentulah akan menimbang dari segi Sosio-ekonomi apabila sampai ke peringkat itu.

Berkenaan dengan soalan yang kedua, saya susah sedikit hendak jawab soalan itu kerana Ahli Yang Berhormat itu pernah menjadi Penolong Pegawai Daerah yang berkenaan dan beliau lebih tahu tentang keadaan di daerah itu. Walau bagaimanapun izinkan saya menegaskan di sini bahawa Kerajaan tentu akan menimbang keperluan petani-petani dan jika mampu apa projek yang dijalankan tentu akan dirancang dengan tujuan memberi faedah kepada petani-petani yang maksima.

## **KWSP—BUTIR PERIBADI PEKERJA BELUM DILAPORKAN**

**10. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah** minta Menteri Kewangan menyatakan benarkah ramai majikan-majikan yang belum melaporkan kepada KWSP berkenaan dengan butir-butir peribadi dan gaji pekerja-pekerjanya, jika benar:

- (a) berapa ramai majikan-majikan yang terlibat itu;
- (b) apakah faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya keadaan yang seumpama itu; dan
- (c) adakah Kerajaan bercadang untuk mengenakan denda yang lebih berat bagi melindungi kepentingan pekerja-pekerja yang menjadi mangsa majikan-majikan yang tidak bertimbang rasa itu.

**Dato Dr Ling Liong Sik:** Tuan Yang Dipertua:

- (a) Pada akhir tahun 1983, lebih kurang 30,000 majikan daripada jumlah 120,000 majikan di seluruh negara belum lagi melaporkan kepada KWSP berkenaan dengan butir-butir peribadi pekerja-pekerja mereka.
- (b) Faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya keadaan ini ialah:
  - (1) majikan tidak mengambil berat untuk menghantar kembali Borang A dalam jangka masa yang telah ditetapkan;
  - (2) majikan tidak mempunyai rekod gaji dan pembayaran caruman kepada KWSP yang teratur;
  - (3) penukaran pengurusan yang mana pengurusan baru tidak diberi rekod yang lama tentang pembayaran caruman ke KWSP oleh Pengurusan lama; dan
  - (4) majikan telah berhenti perniagaannya dan tidak memberitahu KWSP.

- (c) Pada masa ini sistem pengawasan yang dijalankan oleh KWSP adalah memadai. Pihak KWSP sentiasa mengawasi majikan-majikan yang terlibat dan setelah usaha menghubungi majikan-majikan melalui notis, lawatan rasmi oleh Inspektor-inspektor KWSP, pihak KWSP akan mengambil tindakan mahkamah ke atas majikan-majikan yang masih berdegil.

### FAMA—PEMASARAN HASIL

**11. Tuan Haji Azharul Abidin bin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah strategi baru yang akan dilaksanakan oleh FAMA (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan untuk memperhebat dan mempelbagaikan pemasaran hasil-hasil pertanian sempena dengan adanya Dasar Pertanian Negara sebagai sebuah projek dan program pembangunan pertanian memandangkan pemasaran adalah punca utama bagi memperolehi pulangan kewangan kepada petani-petani.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, strategi baru yang sedang dan akan dilaksanakan oleh FAMA ialah mempertingkatkan dan melengkapkan maklumat berhubung dengan permintaan dan kehendak-kehendak pasaran sama ada di dalam atau di luar negeri terhadap komoditi-komoditi keluaran pertanian negara kita. Maklumat-maklumat tersebut akan disalurkan kepada agensi-agensi dan jabatan-jabatan berkaitan di bawah Kementerian saya seperti Jabatan Pertanian dan Lembaga Pertubuhan Peladang untuk menentukan pengeluaran hasil-hasil pertanian dapat dirancang selaras dengan kehendak-kehendak dan luang-luang pasaran. Pendekatan strategi pasaran, pengeluaran pemasaran akan dijadikan garis panduan FAMA untuk menentukan hasil pertanian mendapat pasaran yang baik dan seterusnya pendapatan yang lumayan kepada para petani.

**Tuan Yalya bin Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pertanian dan FAMA kerana mengawasi harga-harga pertanian seperti kelapa, koko dan padi. Saya ingin bertanya adakah Kementerian itu bercadang atau FAMA atau sudah ada ataupun belum ada untuk mengadakan penguatkuasa-penguatkuasa bagi mengawasi, masih ada lagi orang-orang tengah yang cuba menyelewengkan sama ada dari segi membeli atau pun menjual harga pertanian seperti koko, kelapa dan padi.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, FAMA tentulah sentiasa mengawasi tindakan-tindakan penyelewengan yang dibuat oleh orang-orang tengah dan sebagainya dan tindakan sewajarnya sentiasa diambil. Sekiranya Ahli Yang Berhormat ada maklumat yang tertentu, FAMA tentu akan mengambil tindakan.

### KESATUAN KEBANGSAAN PEKERJA ELEKTRONIK— PENDAFTARAN

**12. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Buruh menyatakan sebab-sebab mengapa permohonan untuk mendaftarkan sebuah kesatuan sekerja untuk pekerja-pekerja elektronik belum diluluskan walaupun permohonan tersebut telah dibuat beberapa tahun dahulu.

**Timbalan Menteri Buruh (Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, permohonan untuk mendaftar kesatuan kebangsaan pekerja-pekerja elektronik berkenaan belum diluluskan oleh kerana pihak Pendaftar tidak dapat memastikan bahawa kesatuan yang dicadangkan itu benar-benar akan digunakan untuk tujuan-tujuan seperti yang tercatat di dalam peraturan-peraturannya.

Sesungguhnya pemohon-pemohon dan pegawai-pegawai penaja kesatuan tersebut tidak pernah menunjukkan minat untuk mendapatkan pendaftaran. Mereka tidak pernah membuat perhubungan bersurat

dengan Pendaftar Kesatuan Sekerja mengenai urusan-urusan pendaftaran tersebut, kecuali borang-borang permohonan yang diisi segala urusan-urusan tersebut telah dibuat oleh MTUC dengan Pendaftar Kesatuan Sekerja. Sungguhpun Pendaftar tidak meminta mereka berbuat demikian tetapi sewajarnya daya usaha datang dari mereka sendiri untuk mempercayakan minat serta keinginan mereka yang sebenar. Jika mereka terus menerus bergantung kepada sebuah badan yang berasingan seperti MTUC untuk mengendalikan hal ehwal kesatuan mereka yang dicadangkan itu seperti urusan untuk pendaftaran dan lain-lain, sedangkan badan tersebut tidak ada kema-mengena dengan permohonan untuk pendaftaran adalah disangsikan sama ada kesatuan mereka itu jika didaftarkan dapat memberikan faedah kepada ahli-ahlinya sebagaimana yang dikehendaki oleh tujuan-tujuan serta peraturan-peraturannya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, nampaknya adakah benar bahawa ia merupakan satu dasar baru Kementerian Buruh untuk menghalang organisation, pekerja-pekerja yang belum diunionised daripada bersatu padu baik pun melalui MTUC atau badan-badan yang rela membantu pekerja bersatu supaya hak-hak asasi mereka boleh dapat dijaga. Bukankah di antara tanggungjawab Kementerian Buruh patutlah menggalakkan baik pun MTUC atau apa-apa badan yang rela untuk organisir pekerja-pekerja yang belum masuk ke dalam satu kesatuan?

**Dato' Haji Zakaria bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, dasar Kerajaan ialah membantu pekerja-pekerja menubuhkan Kesatuan Sekerja yang boleh memberi faedah dan manfaat kepada ahli-ahlinya. Kerajaan tidak mempunyai dasar menghalang penubuhan Kesatuan Sekerja peringkat kebangsaan yang menyatukan pekerja-pekerja dari berbagai-bagai tempat pekerjaan,

dalam jenis pekerjaan yang sama kerana pada masa ini undang-undang menghalalkan pekerja-pekerja berbuat demikian.

Tetapi pada akhir-akhir ini Kerajaan menggalakkan mana-mana pekerja yang belum lagi menjadi ahli-ahli Kesatuan Sekerja terutama sekali pekerja-pekerja di sektor-sektor pekerjaan yang belum mempunyai Kesatuan Kebangsaan supaya menubuhkan Kesatuan-kesatuan Sekerja-masing-masing yang berbentuk Kesatuan dalam syarikat (in house Union) atau Enterprise Union. Pada masa ini galakan yang dibuat oleh Kerajaan itu mendapat sambutan yang baik daripada pekerja-pekerja di berbagai-bagai sektor pekerjaan.

Pada masa ini juga Kementerian saya melalui Pendaftar Kesatuan Sekerja sedang menimbangkan beberapa permohonan untuk menubuhkan Kesatuan berbentuk "in-house Union" ini bagi pekerja-pekerja di sektor elektronik.

## PENAGIH DADAH—RAWATAN

**13. Tuan Chan KoK Kit** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah penagih-penagih dadah yang dapat dikesan setakat ini, jumlah yang menjalani rawatan di pusat-pusat pemulihan dadah dan apakah langkah-langkah konkrit yang akan diambil untuk menyedarkan orang ramai khususnya pemuda-pemudi tentang bahaya dadah.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Yang di-Pertua, sejumlah 92,035 orang penagih dadah telah dikesan hingga akhir tahun 1983.

Sehingga akhir tahun 1983, seramai 9,511 orang penagih dadah telah menjalani pemulihan di Pusat-pusat Pemulihan Dadah dan seramai 11,066 orang penagih dadah telah menjalani pemulihan melalui pengawasan.

Untuk menyedarkan orang ramai tentang bahaya dadah berbagai langkah sedang diambil, seperti

melalui seminar, ceramah, pamiran-pamiran poster, paparan (bill board), buku-buku panduan, pertunjukan filem dan filemlet melalui TV Malaysia serta penerangan melalui radio dan suratkhobar.

**Tuan Chan Kok Kit:** Tuan Yang di-pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apakah langkah-langkah yang berkesan yang diambil untuk meningkatkan rawatan penagih-penagih dadah di Pusat-pusat Pemulihan dan sama ada Kerajaan akan mempelajari dari Singapura yang telah menjalankan rancangan pemulihan dengan berjaya dan berkesan.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat mengulangi soalnya.

**Tuan Chan Kok Kit:** Apakah langkah-langkah berkesan yang diambil untuk meningkatkan rawatan penagih-penagih dadah di Pusat-pusat Pemulihan. Dan sama ada Kerajaan akan mempelajari dari Singapura yang telah menjalankan rancangan pemulihan dadah dengan berjaya dan berkesan.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan akan melaksana apa jua yang baik yang boleh menyelesaikan masalah dadah kerana kami ingin membenteras dadah. Apa sahaja yang berfaedah dan praktikal akan diamal.

Pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, tindakan-tindakan yang telah diambil dan sedang diambil boleh dikata memuaskan. Kalau kita lihat dari segi rawatan, sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, kita dapati penghuni-penghuni ataupun bekas-bekas penagih-penagih dadah pada hari ini telah ramai jua berupaya menjalankan tugas-tugas mereka bersama dengan ahli-ahli masyarakat ataupun bersama-sama dengan masyarakat umum. Ini adalah satu daripada kejayaan yang kami capai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 hingga 29 adalah diberi di bawah ini.)*

### HOSPITAL DESA CHANGKAT MELINTANG

**14. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kementerian ini bercadang untuk menaikkan taraf Hospital Desa ke taraf Hospital Daerah dengan mengambil kira bilangan pesakit-pesakit dan mereka-mereka yang terlibat dengan hospital-hospital yang berkenaan seperti Hospital Desa Changkat Melintang di Parit dan apakah kriteria-kriteria yang digunakan bagi melaksanakan proses ini.

**Menteri Kesihatan (Dato Chin Hon Ngian):** Hospital Desa Changkat Melintang adalah sebuah Hospital Daerah. Beberapa projek untuk menaikkan taraf hospital ini telah dirancang dan diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Dua dari projek-projek yang tersebut—sebuah Wad dan Setor perubatan telah siap pada hujung tahun 1981. Projek-projek lain seperti membesarkan Jabatan Pesakit Luar, membesarkan klinik Pergigian dan lain-lain lagi akan dimulakan apabila Kementerian dapat menyediakan peruntukan.

Kriteria-kriteria yang digunakan untuk membesarkan Hospital ini adalah perkara seperti tambahan beban kerja disebabkan bertambahnya penduduk dan bilangan pesakit yang datang ke Hospital, jenis-jenis penyakit, keperluan tahap teknologi dan sebagainya.

### RUMAH AWAM KOS RENDAH— PEMBINAAN

**15. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan—

- (i) bilangan unit rumah-rumah kos rendah yang dijadualkan untuk dibina di bawah Rancangan

Malaysia Ketiga yang masih belum siap dibina pada akhir Rancangan Malaysia Ketiga dan berapa daripada "backlog" yang belum siap dibina itu telah siap dibina setakat hari ini;

- (ii) untuk kedua tahun pertama Rancangan Malaysia Keempat, apakah prestasi kedua-dua sektor awam dan swasta masing-masing berkait dengan bilangan unit rumah kos rendah yang dibina berbanding dengan sasaran rancangan tersebut;
- (iii) adakah Kerajaan akan menimbang memperkenalkan suatu rancangan untuk mensubsidikan faedah yang dikenakan oleh institusi-institusi kewangan ke atas pinjaman-pinjaman perumahan untuk pembeli-pembeli rumah-rumah kos rendah supaya dapat menguntungkan rakyat berpendapatan rendah; dan
- (iv) apakah Kerajaan akan menimbang untuk menubuhkan sebuah Majlis Perumahan Negara seperti Majlis Tanah Negara supaya dapat mengujudkan penyelarasan yang lebih baik dalam menghadapi masalah sosio-ekonomi perumahan.

**Tuan S. Subramaniam:**

- (i) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bilangan unit rumah kos rendah yang dijadualkan untuk dibina di bawah Rancangan Malaysia Ketiga adalah sebanyak 75,506 unit. Daripada sasaran sebanyak 75,506 unit rumah awam kos rendah tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ini sebanyak 24,250 unit telah siap di bina pada akhir tahun Rancangan Malaysia Ketiga dan sebanyak 54,490 unit telah di bawah ke tempoh Rancangan Malaysia Keempat sebagai "backlog". Daripada "backlog" 54,490, sebanyak 37,688 unit atau 32% telah siap dibina pada hujung tahun 1983 dan bakinya

ada dalam peringkat pelaksanaan yang dijadualkan akan siap pada akhir tempoh RME.

- (ii) Sasaran rumah kos rendah Rancangan Malaysia Keempat bagi kedua-dua sektor awam dan pemaju swasta ialah 176,500 unit dan 90,000 unit masing-masing iaitu sejumlah 266,500 unit.

Bagi tahun pertama Rancangan Malaysia Keempat sebanyak 32,999 unit (atau 18.7%) daripada sasaran rumah awam kos rendah telah disiapkan. Daripada sasaran 90,000 unit rumah kos rendah yang dirancangan bagi pemaju swasta dalam tempoh RME sebanyak 10,660 unit (11.8%) telah disiapkan bagi dua tahun pertama tempoh RME. Oleh yang demikian, pada hujung tahun 1982, sebanyak 43,659 unit rumah kos rendah kesemuanya dapat disiapkan. Di samping itu, bagi rumah awam kos rendah, pada akhir tahun 1983 sebanyak 44,502 unit (27.1%) telah disiapkan. Bilangan unit dalam berbagai peringkat peringkat pelaksanaan ialah seperti berikut:

(a) binaan bangunan—  
24,708 (15.1%)

(b) kerja-kerja awalan—  
84,252 (51.3%)

- (iii) Kerajaan tidak bercadang memperkenalkan suatu rancangan untuk mensubsidikan faedah yang dikenakan oleh institusi-institusi kewangan ke atas pinjaman-pinjaman perumahan untuk pembeli-pembeli rumah-rumah kos rendah. Walau bagaimanapun untuk membantu rakyat berpendapatan rendah membeli rumah, Kerajaan telah mengujudkan skim pinjaman khas untuk pembeli-pembeli rumah yang berharga tidak lebih daripada \$100,000 seunit. Melalui skim ini pembeli-pembeli jenis rumah tersebut dikenakan

faedah pinjaman kewangan yang tidak melebihi 10% setahun. Ini adalah jauh kurangnya dari kadar faedah yang dikenakan kepada pembeli-pembeli rumah berharga lebih daripada \$100,000 seunit iaitu lebih kurang 15% setahun. Tambahan pula pinjaman yang diberi untuk pembelian rumah kos rendah ialah 100% kos rumah. Untuk pinjaman pembelian rumah yang berharga di antara \$25,000-\$50,000 kaum Bumiputera diberi pinjaman 100% dan untuk rumah berharga \$50,000-\$100,000 pinjaman sebanyak 90% diberi. Kemudahan skim ini boleh dianggarkan sebagai subsidi untuk membantu golongan rakyat berpendapatan rendah untuk membeli rumah.

- (iv) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah menubuhkan Majlis Perumahan Negara pada bulan Jun, 1982. Majlis ini dipengerusikan oleh Y.B. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan ahli-ahlinya terdiri daripada pengerusi-pengerusi Jawatankuasa Perumahan Negeri, Kementerian Kewangan, Kementerian Wilayah Persekutuan, Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan serta Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan Malaysia Building Society Bhd.,

Tujuan Majlis Perumahan Negara ditubuhkan adalah seperti berikut:

- (a) membincangkan kerja-kerja pelaksanaan dan penyelarasan projek-projek rumah awam kos rendah.
- (b) membincangkan masalah pelaksanaan yang timbul dan memperkukuhkan langkah-langkah untuk menyelaras masalah tersebut.
- (c) memainkan peranan utama untuk mengukuhkan keupayaan pentadbiran dan pelaksanaan rumah awam kos rendah diperingkat negeri.

## PROJEK PERTANIAN BERSOPAN

**16. Tuan Justine anak Jinggut** minta Menteri Pertanian menyatakan, adakah beliau bercadang hendak mengadakan skim pertanian secara besar-besaran di luar bandar Sarawak terutamanya di Bahagian Ketujuh, Sarawak. Jika ada, bila dan jika tidak, mengapa.

**Dr Goh Cheng Teik:** Pada masa sekarang, Kementerian belum ada rancangan mengadakan Projek Pembangunan Pertanian yang Bersepadu di Bahagian Ketujuh, Sarawak. Pelaksanaan Projek Pertanian Bersepadu akan dibuat berperingkat dan mengikut kawasan.

Kerajaan sedang mengadakan dua kajian kemungkinan Projek Pertanian Bersepadu di Limbangan Sg. Samarahan (Bahagian I) dan kawasan Kalaka-Saribas (Bahagian II). Kemajuannya adalah di peringkat menyediakan draf laporan akhir bagi Kajian Samarahan dan Laporan Interim bagi Kajian Kalaka-Saribas. Pelaksanaan kedua-dua projek ini akan bergantung kepada hasil-hasil kajian kemungkinan yang dijalankan, yang sedang dan akan dihalusi secara terperinci oleh semua agensi-agensinya yang terlibat.

Walaupun projek bersepadu tiada dilaksanakan di Bahagian Ketujuh pada masa ini, namun demikian Kerajaan masih akan terus melaksanakan pembangunan pertanian di Bahagian ini melalui peruntukan biasa yang dilaksanakan bagi Jabatan/Agensi pertanian dalam program/rancangan mereka.

## PELACURAN DAN JENAYAH DI KUALA LUMPUR

**17. Tuan Haji Dasuki bin Haji Ahmad** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada benar bahawa di bandar Kuala Lumpur hari ini ada beberapa tempat pertumbuhan pelacuran dan jenayah. Jika benar apakah tindakan-tindakan yang telah dibuat dan akan dilaksanakan ke arah penghapusan ataupun pengurangan tempat-tempat seumpama itu.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Dato Shahrir bin Abdul Samad):** Tempat-tempat pelacuran dan kegiatan-kegiatan maksiat di Kuala Lumpur ini tidaklah membimbangkan dan langkah-langkah yang telah diambil oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan dengan kerjasama pihak Polis, Dewan Bandaraya dan Jabatan-jabatan yang lain yang berkenaan adalah berkesan. Kegiatan pelacuran boleh dikaitkan dengan Hotel-hotel Kelas Rendah dan Rumah-rumah Urut Haram. Kegiatan pelacuran di Hotel-hotel Kelas Rendah memang wujud dan selalu diawasi oleh kedua-dua pihak iaitu Bandaraya dan Polis. Serbuan selalu dijalankan ke atas sarang-sarang pelacuran oleh pihak Polis. Pihak Dewan Bandaraya mengambil tindakan ke atas penghuni-penghuni Hotel Kelas Rendah yang tidak berdaftar.

Seksyen Penguatkuasa Perancangan dan Perlesenan, Jabatan Perancang dan Kawalan Bangunan telah pun mengambil tindakan ke atas kegiatan Rumah Urut Haram di sekitar Wilayah Persekutuan. Pada tahun 1980 terdapat tidak kurang dari 97 Rumah Urut Haram yang wujud di sekitar Bandaraya ini. Pada akhir tahun 1983, terdapat hanya 55 buah Rumah Urut Haram yang masih menjalankan kegiatan mereka.

Jadi sejumlah 42 buah Rumah Urut Haram telah memberhentikan kegiatan mereka sama sekali. Seksyen Penguatkuasa Perancangan dan Perlesenan sentiasa membuat serbuan ke atas Rumah-rumah Urut Haram ini dari masa ke semasa. Rumah-rumah Urut Haram ini selalunya dikaitkan juga dengan kegiatan-kegiatan perniagaan lain seperti Coffee House, Rumah Tumpangan, Kedai-kedai Kerinting Rambut Unisex dan juga Bilik-bilik Hotel Kelas Kedua.

Satu sistem operasi bersama di antara Jabatan-jabatan Kerajaan telah pun disusun atur untuk tahun 1984 untuk mengambil tindakan yang lebih keras ke atas kegiatan Rumah Urut

Haram ini. Di antara Jabatan-jabatan yang terlibat ialah:

- (i) Jabatan Perlesenan Dewan Bandaraya.
- (ii) Jabatan Perancang dan Kawalan Bangunan.
- (iii) Polis Wilayah Persekutuan.
- (iv) Majlis Ugama Islam Wilayah Persekutuan.
- (v) Pendaftaran Perniagaan Malaysia.
- (vi) Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia.
- (vii) Lembaga Letrik Negara.
- (viii) Lembaga Air Selangor.
- (ix) Jabatan Telekom.

Dengan adanya kerjasama di kalangan Jabatan-jabatan Kerajaan yang berkenaan adalah dijangkakan jumlah Rumah Urut Haram yang ada di kawasan Bandaraya ini akan dikurangkan lagi pada akhir tahun ini.

Daripada keterangan yang dinyatakan di atas jelas menunjukkan bahawa tindakan yang telah diambil dalam menentang kegiatan jenayah pelacuran telah ditingkatkan. Tindakan-tindakan akan digiatkan lagi pada masa-masa akan datang melalui:

- (i) Membuat pemeriksaan yang berterusan ke atas sarang pelacuran, hotel, rumah urut dan bar.
- (ii) Menangkap dan mendakwa orang yang hidup di atas hasil pelacuran.
- (iii) Menyelamatkan gadis-gadis di bawah umur yang terdedah kepada kegiatan maksiat dan dihantar ke Pusat-pusat Pemulihan.
- (iv) Menangkap pelacur-pelacur asing dan menghantar mereka pulang ke negara asal.

## DASAR PERTANIAN NEGARA

**18. Tuan Peter Chin Gan Oon** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau dapat memberikan butir-butir lanjut mengenai Dasar Pertanian Negara Baru yang telah diumumkan baru-baru ini; tetapi Dasar yang dikeluarkan hanya menunjukkan matlamat-matlamat tanpa butir-butir ber-cukup khususnya mengenai:

- (a) memberi pendapatan yang cukup kepada petani agar dapat memelihara rasa hormat diri mereka mungkin menerusi pendapatan tambahan yang diperolehi dari luar sektor bercucuk tanam bagi mereka yang bercucuk tanam atas tanah yang hasil pengeluarannya ala kadar (marginal);
- (b) bagaimana Dasar Pertanian Baru dapat mendamaikan hakikat pemindahan kependudukan semula jadi yang ada pada bila-bila masa daripada luar bandar kepada kawasan-kawasan bandar dengan keperluan buruh di tempat-tempat pertanian khususnya dari apa sumber buruh boleh didapati untuk mengisi kebun tanaman, sektor yang paling tidak menarik bagi seorang buruh; dan
- (c) butir-butir bagaimana menyelenggara satu bekalan sayur-sayuran yang cukup daripada kebun-kebun sayur pemasaran, yang biasanya terletak di sekitar kawasan bandar yang sedang membangun kerana pembangunan berhubung dengan kawasan bandar yang sedang membangun mencero bohi tanah yang digunakan bagi mencucuk Tanam sayur-sayuran dan sama ada dasar itu telah menimbang penempatan semula (relocation) pekebun-pekebun sayuran kepada suatu tanah yang lebih jauh daripada kawasan-kawasan bandar.

**Dr Goh Cheng Teik:** Dasar Pertanian Negara (DPN) yang diumumkan baru-baru ini merupakan pernyataan-pernyataan dasar secara menyeluruh dan meluas yang menentukan mat-

lamat dasar yang akan ditujui sehingga tahun 2000, serta membentangkan garis-garis panduan untuk pembangunan pertanian bagi tempoh tersebut.

Segala maklumat terperinci mengenai strategi-strategi dan program-program pembangunan pertanian dan disediakan di dalam laporan-laporan berikutnya sebagai langkah melaksanakan matlamat dasar yang telah digariskan.

Di dalam menggubal strategi dan program ini beberapa faktor penting akan diberi pertimbangan dengan mengambilkira masalah-masalah yang dihadapi oleh tiap-tiap komoditi dan prospek masa depannya termasuklah perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

## KEMALANGAN AIRBUS DI KAMPUNG MELAYU SUBANG—SIASATAN

**19. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pengangkutan menyatakan hasil siasatan yang dijalankan ke atas hempasan Airbus di Kampung Melayu, Subang, dalam bulan Disember, tahun lalu.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Kementerian Pengangkutan belum lagi menerima laporan mengenai nahas kapal terbang Airbus MAS tersebut kerana pada masa ini kerja-kerja siasatan masih lagi berjalan. Dengan yang demikian, saya tidaklah dapat memaklumkan hasil siasatan berkenaan.

## DOKTOR-DOKTOR DI HOSPITAL—KEKURANGAN

**20. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah beliau sedar bahawa jawapan beliau dalam Dewan yang mulia ini menyatakan yang beliau berpuashati dengan perkhidmatan para doktor-doktor dan kekurangan doktor-doktor di luar-luar bandar dapat diatasi itu adalah tidak benar. Jika tidak sedar, mengapakah perkhidmatan doktor masih tidak memuaskan dan kekurangan masih dialami serta sikap

sombong para doktor masih berlaku di daerah-daerah, termasuk daerah Pasir Putih, Kelantan, yang masih mengalami perkara tersebut.

**Dato Chin Hon Ngian** suka saya maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa perkhidmatan para doktor-doktor di hospital-hospital di negara ini termasuk di luar bandar adalah memuaskan walaupun dalam keadaan kekurangan doktor. Walaupun Kementerian saya sentiasa cuba mengatasi masalah kekurangan doktor-doktor di luar bandar, mungkin pada suatu ketika terdapat kekurangan doktor di hospital-hospital di luar bandar disebabkan oleh keadaan-keadaan yang tidak dapat dielakkan, misalnya perletakan jawatan, pertukaran, pinjaman ke perkhidmatan tentera dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat, Pusat Kesihatan Besar, Pasir Putih mempunyai 2 jawatan untuk Pegawai Perubatan dan Kesihatan dan kedua-dua jawatan tersebut telah pun diisi. Laporan di Kementerian ialah bahawa kerja mereka adalah memuaskan. Tetapi saya sedang menyiasat apa yang telah dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat mengenainya.

Apabila salah seorang daripada 2 orang doktor di Pusat Kesihatan Besar Pasir Putih pergi bercuti, Pegawai Kesihatan Daerah menjalankan tugas-tugas yang perlu untuk mengurangkan kesulitan yang timbul kepada orang ramai.

## **PELAJAR MALAYSIA DI LUAR NEGERI—KEGIATAN**

**21. Tuan Seow Hun Khim** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar penuntut-penuntut kita di seberang laut akan dikehendaki mendaftarkan diri dengan Kedutaan Malaysia di negeri yang berkenaan dan sama ada benar langkah ini diambil untuk mengawal tindak-tanduk dan kebebasan ucapan kaum penuntut itu dan memandangkan negeri kita adalah sebuah negeri mengambil demokrasi berparlimen,

sama ada peraturan ini akan dilonggarkan kerana penuntut-penuntut haruslah diberi hak demokrasi itu, dan sama ada beliau sedar, sekiranya peraturan ini dikekalkan, sistem demokrasi berparlimen kita akan dipandang rendah oleh negeri-negeri asing dan imej baik Kerajaan kita di Bangsa-Bangsa Ber-satu akan terjejas.

### **Datuk Sulaiman bin Haji Daud:**

Sepertimana yang telah dijawab kepada Ahli-Ahli Berhormat yang lain, Kerajaan memang sentiasa mengambil berat tentang kebajikan pelajaran kita di luar negeri terutamanya terhadap kegiatan-kegiatan mereka. Negara Malaysia bukanlah satu negara sahaja yang mengawasi pelajar-pelajarnya di luar negeri bahkan negara-negara lain juga berbuat demikian.

Pelajar-pelajar kita diminta mendaftar diri dengan Kedutaan Malaysia di luar negeri secara sukarela oleh kerana Kerajaan bertanggungjawab terhadap kebajikan mereka sama ada mereka dibiayai oleh Kerajaan atau secara persendirian. Tindakan ini akan menyenangkan pengawasan sekiranya ada satu-satu masalah di negara-negara tersebut atau yang dialami oleh pelajar itu sendiri untuk berhubung dengan Jabatan Penuntut Malaysia, kemungkinan pihak Jabatan Penuntut Malaysia akan boleh membantu mengatasi masalah-masalah mereka jika ada.

Kerajaan tidak menyekat kebebasan pelajar-pelajar kita di luar negeri melainkan sekiranya mereka bertidak anti Kerajaan atau anti nasional yang militan dan yang ingin menggulingkan Kerajaan secara kekerasan.

Sistem demokrasi berparlimen kita tidak akan terjejas dan langkah-langkah yang telah diambil sebenarnya akan mempertahankan imej antarabangsa Malaysia.

## KENDERAAN KERAJAAN— PENGUNAAN

22. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) sama ada pihak Kerajaan telah mengkaji dan menilai penggunaan kenderaan-kenderaan Kerajaan, termasuk kereta-kereta ronda Polis;
- (b) jika ya, berapa lamakah usia (life-span) sebuah Kereta Kerajaan;
- (c) sama ada telah didapati pengendalian kenderaan-kenderaan Kerajaan oleh pemandu-pemandu Kerajaan adalah kurang memuaskan; dan
- (d) sama ada penalti akan dibenarkan terhadap pemandu-pemandu yang didapati cuai dalam menjagaharta-benda Kerajaan.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu:

- (a) Ya, Kerajaan memang mengkaji dan menilai penggunaan kenderaan-kenderaan Kerajaan dari masa ke semasa.
- (b) Pada kebiasaannya sesebuah kenderaan Kerajaan itu mempunyai usia di antara 4 hingga 15 tahun, bergantung di atas jenis kenderaan dan cara penggunaannya. Misalnya bagi kereta pejabat usianya ialah selama 4 tahun atau mempunyai perjalanan sejauh 160,000 km. Bagaimanapun tidaklah bermakna sesebuah motokar yang masih boleh digunakan selepas 4 tahun ini ditukar bila sampai tempoh 4 tahun. Oleh kerana ianya adalah bergantung juga di atas faktor ekonomik penggunaannya.
- (c) Cara pengendalian kenderaan-kenderaan Kerajaan oleh pemandu-pemandu adalah mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Peraturan-peraturan ini adalah terkandung dalam Pekeliling-pekeliling Perbendaharaan bil. 2 tahun 1980. Yang demikian adalah menjadi

tanggungjawab semua pemandu-pemandu mematuhi peraturan-peraturan ini dan Ketua-Ketua Jabatan masing-masing adalah memastikan bahawa arahan ini dipatuhi. Secara keseluruhannya saya dapati bahawa pengendalian kereta-kereta Kerajaan adalah memuaskan.

- (d) Sekiranya didapati mana-mana pemandu yang cuai dalam menjaga kenderaan maka tindakan boleh diambil terhadap mereka mengikut peraturan yang telah ditetapkan dalam Perintah Am Bab D.

## PETANI KECIL LUAR BANDAR—DASAR

23. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Pertanian bagi menyatakan apakah strategi pembangunan untuk petani-petani kecil luar bandar yang telah dirangka oleh Kementerian Pertanian dalam Dasar Pertanian Negara yang telah diisytiharkan baru-baru ini.

**Dr Goh Cheng Teik:** Dengan pengisytiharan Dasar Pertanian Negara (DPN) baru-baru ini Kementerian sedang merangka strategi dan program pertanian terperinci selaras dengan matlamat DPN, di mana garis-garis panduan telah dikemukakan untuk komoditi-komoditi tertentu. Strategi yang dirangka untuk petani-petani kecil luar bandar adalah berkisar kepada peningkatan pendapatan dari kebun melalui penggunaan sumber-sumber dengan lebih cekap. Ini dilakukan melalui pendekatan pembukaan tanah baru, pembangunan insitu, pemberian perkhidmatan sokongan yang cekap yang berupa penyelidikan, perkembangan, pemasaran dan galakan-galakan pertanian serta pembangunan sosial dan institusi petani.

(Solat No. 24 telah dijawab pada 13-3-84.)

## DC-10 MAS KE KUCHING

**25. Datuk Leonard Linggi Anak Jugah** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kementerian mempunyai cadangan untuk menggunakan DC-10 ke Kuching pada musim-musim yang sibuk seperti Tahun Baru dan cuti-cuti sekolah untuk mengurangkan kesesakan bagi sektor Kuching.

**Tan Sri Chong Hon Ngian:** Pada masa ini MAS tidak mempunyai cadangan untuk menggunakan pesawat jenis DC-10 bagi perkhidmatan ke Kuching dari Kuala Lumpur dan sebaliknya, bagi musim-musim yang sibuk. Bagaimanapun, perkhidmatan DC-10 untuk menampung keperluan musim-musim sibuk akan dipertimbangkan sekiranya keadaan memerlukan. Di masa-masa yang lalu, MAS telah mengadakan penerbangan-penerbangan tambahan pada musim tersebut dengan menggunakan pesawat-pesawat B 737 dan ini didapati mencukupi untuk menampung keperluan tambahan tersebut.

Sungguhpun demikian, MAS mempunyai rancangan untuk mengadakan perkhidmatan berjadual di antara Kuala Lumpur/Kuching dengan menggunakan pesawat DC-10. Rancangan penggunaan DC-10 ke Kuching dijangka akan dapat bermula sebelum pertengahan tahun 1984.

## KEPULAUAN FALKLAND— TUNTUTAN

**26. Tuan Abdillah Haji Abdul Hamid** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah pendirian Malaysia mengenai konflik Falkland di antara Great Britain dengan Argentina. Adakah apa-apa perubahan dasar Malaysia terhadap pendiriannya setelah Kerajaan Baru Argentina memerintah.

**Menteri Luar Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Saya ingin memaklumkan bahawa Great Britain dengan Argentina adalah mempunyai tuntutan masing-masing

terhadap Kepulauan Falkland yang terletak di bahagian selatan Lautan Atlantik. Argentina membuat tuntutan ke atas Pulau Falkland (Malvinas) berdasarkan hak warisan daripada Empayar Sepanyol setelah Argentina mencapai kemerdekaan pada tahun 1816. Manakala Great Britain pula membuat tuntutan berdasarkan kepada kuasa hakmilik oleh kerana kepulauan tersebut diduduki oleh rakyat keturunan British sejak tahun 1833.

Isu ini telah dibawa ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam tahun 1965 dan kedua-dua negara bersetuju perlunya diadakan perundingan. Dalam bulan Januari 1977, syarat-syarat perundingan telah dirangka dalam satu kenyataan bersama antara Great Britain dan Argentina. Segala kemajuan dalam perundingan tersebut dikehendaki dilaporkan kepada Jawatankuasa Khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Kemerdekaan Tanah-tanah Jajahan (Decolonization). Memandangkan bahawa perundingan sedang berjalan pada masa itu, Persidangan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah menanggukahkan pertimbangan syarat-syarat yang mana membuat Argentina tidak berpuashati.

Pada 2hb April, 1982, tentera Argentina menduduki Kepulauan Falkland. Great Britain telah mengambil tindakanbalas secara tentera. Pertempuran bersenjata yang hebat telah berlaku selama 74 hari di mana akhirnya Britain berjaya menguasai kembali kepulauan tersebut.

Berikutan dengan tercatuannya konfrantasi bersenjata antara kedua belah pihak itu, Malaysia telah menyatakan pendiriannya pada 7hb April, 1982, iaitu kita merasa kesal terhadap penggunaan kekerasan yang bercanggah dengan prinsip-prinsip penyelesaian sesuatu pertikaian dengan secara aman. Kita berpegang teguh kepada prinsip tersebut dan telah berharap supaya kedua-dua belah pihak Britain dan Argentina dapat

menyelesaikan masalah tersebut secara damai melalui proses perundingan.

Kita menyokong penuh terhadap usaha-usaha ke arah menyelesaikan masalah tersebut secara damai. Pendirian kita ini dicerminkan oleh sokongan yang kita beri terhadap ketetapan yang diluluskan dalam Persidangan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 4hb November 1982 yang menyeru Britain dan Argentina supaya menyambung semula perundingan secara diplomatik. Adalah difahamkan bahawa segala usaha sedang dijalankan oleh berbagai pihak supaya perundingan antara kedua buah negara yang terlibat dapat diadakan.

Walaupun baru-baru ini perubahan telah berlaku dalam pucuk pimpinan dan dalam bentuk Kerajaan Argentina, pendirian serta dasar Malaysia terhadap sengkata ini tidak mengalami perubahan. Malaysia tetap berpegang teguh kepada prinsip penyelesaian sesuatu pertikaian secara aman. Dalam hal ini Malaysia berharap bahawa suatu penyelesaian yang memuaskan bagi kedua belah pihak yang berasaskan kepada prinsip tersebut tadi melalui proses perundingan akan dapat diwujudkan.

#### JALANRAYA KUCHING— KOTA KINABALU

**27. Tuan Ling Sie Ming** minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah lebuhraya dari Kuching ke Kota Kinabalu akan dibina, anggaran perbelanjaannya dan bilakan ia dijangka siap.

**Dato' S. Samy Vellu:** Sebahagian besar daripada jalanraya dari Kuching ke Kota Kinabalu telah dibina dan boleh diginnakan oleh lalulintas. Panjangnya jalanraya ini adalah lebih kurang 1305 Km dan mempunyai 4 bahagian iaitu:

- (i) Kuching/Sibu/Miri—Jalan ini telah siap tetapi sebahagiannya belum lagi ditarkan.

- (ii) Limbang / Temburong / Lawas—Sejauh kira-kira 30km adalah masih dalam pembinaan dan belum lagi dapat digunakan oleh lalulintas.
- (iii) Lawas / Merapok / Sindumin—Jalan ini juga boleh digunakan dan sebahagian daripadanya telah ditarkan.
- (iv) Sindumin / Beufort / Kota Kinabalu—Jalan ini telah siap dan sebahagian besarnya telah ditarkan.

perbelanjaan untuk membina jalanraya ini adalah dianggarkan sebanyak \$911 juta dan dijangka siap dalam tahun 1990.

#### GRADUAN ARTS DAN SAINS

**28. Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan perimbangan graduan-graduan Arts dan Sains dari universiti tempatan bagi setiap tahun berikut iaitu 1980, 1981, 1982 dan 1983.

**Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Bilangan perimbangan graduan-graduan Arts dan Sains dari Universiti-universiti tempatan bagi tiap-tiap tahun dari tahun 1980 hingga 1983 adalah seperti berikut:

	Bilangan Siswazah Sastera	Bilangan Siswazah Sains	Bilangan Siswazah Teknikal	Jumlah Semua
1980	2519	1315	444	4278
1981	2397	1366	430	4193
1982	2857	1665	452	4974
1983	2423	1820	509	4752

#### ASEAN BUKAN PAKATAN KETENTERAAN

**29. Tuan Karpal Singh** minta Menteri Luar Negeri menyatakan setakat manakah ASEAN kekal sebagai pakatan bukan ketenteraan (non-military grouping) memandangkan kepada sokongan yang diberinya kepada Kampuchea Demokratik yang mana negara tersebut sedang membuat serangan-serangan ke atas bahagian Kampuchea dalam tangan Vietnam.

**Tan Sri Haji Muhamad Ghazali bin Shafie:** Saya ingin mengulangi bahawa ASEAN telah ditubuhkan berlandaskan kepada Perisytiharan Bangkok pada tahun 1967 yang bertujuan untuk mengeratkan kerjasama dalam bidang ekonomi, sosial dan kebudayaan di antara anggota-anggotanya supaya dapat mengukuhkan keamanan dan kestabilan Asia Tenggara.

Berpaling pula, kepada hal perjuangan yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Campuran, yang dipimpin oleh Putera Sihanouk, terhadap penaklukan Vietnam, sudah semestinya pejuang-pejuangnya akan mengambil apa juga tindakan untuk mencapai kemerdekaan dan kebebasan untuk negara mereka. ASEAN atau anggota-anggotanya tidaklah terlibat didalam perjuangan oleh Kerajaan Sihanouk di Kampuchea. Apa yang ASEAN beri sebagai sokongan kepada Kerajaan tersebut adalah sokongan diplomatik sejajar dengan tujuan ASEAN supaya satu penyelesaian politik dapat dicapai mengenai soal Kampuchea. Tetapi ini tidak menghalang sesebuah negara, baik anggota ASEAN atau luar ASEAN, untuk memberi dengan sendirinya, apa jua bantuan yang wajar kepada mana-mana puak Kerajaan Sihanouk dengan secara menerus, supaya dapat menuju ke matlamat suatu penyelesaian politik yang saya sebut.

Anggota-anggota ASEAN sentiasa sedar tentang betapa mustahaknya ASEAN, sebagai sebuah pertubuhan, terus kekal sebagai sebuah pertubuhan serantau bukan ketenteraan supaya dapat memajukan persefahaman di antara negara-negara di rantau ini dan dengan itu memajukan keamanan dan kestabilan serantau. Sokongan diplomatik ASEAN kepada Kerajaan CGDK tidak ada kena mengena dengan tindakan ketenteraan oleh pejuang kerajaan tersebut terhadap tentera penakluk Vietnam. Seterusnya soal ASEAN sebagai sebuah pakatan ketenteraan tidak pernah timbul.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1982 DAN 1983)

DAN

### USUL

#### ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 4), 1982 DAN ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 1), 1983

##### Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1982 dan 1983) dan Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat 1982 dan Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 1983 dalam Jawatankuasa sebuah Majlis (21hb Mac, 1984).

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Maksud B. 63 (Jadual Kedua)—*

*Maksud P. 64 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4), 1982)—*

*Maksud P. 63 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1983)—*

**Tuan Pengerusi:** Saya mempersilakan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menggulung perbahasan.

3.35 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Zainal Abidin bin Zin):** Tuan Pengerusi, saya mohon izin untuk meneruskan ataupun menyambung ucapan balas yang telah saya lakukan pada petang semalam.

Tuan Pengerusi, dalam menjawab masalah yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Ulu Muda dan

Yang Berhormat dari Baling tentang projek prasarana, kita akan menjalankan pembangunan projek prasarana di kawasan-kawasan mini estet RISDA. Tetapi tidaklah terlibat dengan jalan masuk ke kawasan-kawasan ini.

Bagi tahun 1984 kita telah mendapat peruntukan sebanyak \$2.5 juta dalam menjalankan usaha ini. Dalam memperkatakan soal mini estet, Tuan Pengerusi, berakhir 31hb Disember, 1983, kita telah berjaya membangunkan 256 mini estet di seluruh Malaysia meliputi kawasan seluas 29,970 hektar dan melibatkan 14,771 pekebun kecil.

Bagi 256 mini estet ini kita telah mengeluarkan perbelanjaan sebanyak \$86,416,654 dan bagi tahun 1984 kita berhajat untuk membuka 40 rancangan lagi bagi meliputi kawasan 5,058 hektar.

Rancangan kredit sara hidup yang telah dibangkitkan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat, khasnya mengenai SEPENTAS sehingga 31hb Disember, 1983 kita telah dapat membantu seramai 25,232 pekebun kecil dengan kewangan sebanyak \$31.5 juta atas kadar \$100 sekeluarga yang mempunyai kebun seluas tidak melebihi daripada 7 ekar. Mereka-mereka yang terlibat ini adalah sebelum 1hb Januari, 1984 seperti yang telah dipohon oleh Yang Berhormat dari Baling, kita akan meneruskan bantuan ini.

Tetapi mulai 1hb Januari, 1984 kita telah mengkaji semula bagi mereka yang belum terlibat lagi dan ber-cadang untuk memberi bantuan antara \$60 hingga \$100 bagi sekeluarga.

Untuk menjawab perkara seperti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Baling mengenai daerah contoh pekebun kecil, Tuan Pengerusi, kita telah memilih 14 daerah contoh bagi seluruh negara kecuali Perlis. Lima daerah contoh telah kita pilih bagi negeri Johor dan satu daerah contoh bagi negeri-nege-ri lain.

Konsep kita ialah untuk mendapat pengeluaran hasil yang lebih dan mendapat pengeluaran hasil yang lebih awal iaitu dalam lingkungan 5½ tahun untuk pendapatan \$500 sekeluarga dan mengeluarkan susu getah 1,500 kilogram senektar. Jika konsep ini berjaya, Tuan Pengerusi, kita harap kita dapat menjalankan keseluruhannya pembangunan bagi negara kita khasnya bagi pekebun-pekebun kecil.

Bagi menjawab soalan yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat mengenai KEDA, Yang Berhormat dari Hulu Muda dan juga yang Berhormat dari Baling mengenai industri-industri kecil ini, KEDA telah berjaya menjalankan usaha-usaha pengeluaran ataupun dalam industri kecil seperti bidai buluh, bidai kayu. Hingga hari ini KEDA telah dapat memproses bidai buluh sebanyak 4,753 kaki persegi dan bidai kayu sebanyak 2,432 kaki persegi. Hasil-hasil ini telah kita edarkan di seluruh Malaysia terutama kepada hotel-hotel yang terkemuka dalam negara kita. KEDA sedang berusaha untuk mengeluarkan hasil yang lebih banyak untuk membuat pasaran keluar negeri dan pasaran luar negeri juga sedang kita usahakan.

Selain daripada itu kita juga telah menggunakan buluh yang terdapat di dalam negara kita yang begitu banyak dan KEDA telah dapat berjaya mengeluarkan 1,442,500 batang cecuk sate. Kita harap penjual-penjual sate di negara kita ini akan menggunakan pengeluaran buluh KEDA bagi per-usahaan menjual sate. Kilang pengeluaran besi KEDA telah berjaya mengeluarkan 2,482 bilah pisau dan berjaya mengeluarkan pellet. Pada hari ini KEDA mampu mengeluarkan 2,056 tan pellet sehari. Selain daripada itu KEDA juga sedang menjalankan usaha pemrosesan rotan. Kita telah berjaya mengeluarkan 265,000 batang rotan, proses untuk mengeluarkan bahan-bahan perabut dan saya di dalam Dewan yang mulia ini ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih Kementerian khasnya dan daripada KEDA sendiri kepada orang-orang tahanan dalam penjara Alor

Setar yang telah berjaya memberi kerjasama dengan KEDA bagi mengeluarkan perabut-perabut daripada rotan ini. Sekiranya usaha ini berterusan kita berjaya bukan sahaja KEDA dapat menguntungkan orang-orang tahanan di dalam penjara Alor Setar juga akan dapat pendapatan yang lebih.

Tuan Pengerusi, selain daripada usaha-usaha yang telah dijalankan di atas kita sedang berusaha untuk mewujudkan perusahaan marbel craft di Pulau Langkawi, dan semua usaha-usaha ini telah mendapat sedikit sebanyak peruntukan daripada Kerajaan Pusat. Peruntukan daripada Kerajaan Pusat bagi pengeluaran bidai, bertam buluh dan marbel craft sebanyak \$1,063,000 dan untuk membiayai prosen-proses lain KEDA terpaksa membuat pinjaman luar.

Selain daripada kita berjaya mengadakan pengeluaran ini kita berjaya juga untuk mengadakan peluang pekerjaan. Sebanyak 369 orang telah mendapat tempat pekerjaan di dalam usaha yang telah dijalankan oleh KEDA ini.

Seperti yang telah disarankan oleh Yang Berhormat dari Ulu Muda selain daripada prasarana dan sebagainya, KEDA juga telah berjaya mendirikan 160 buah unit rumah kos rendah di Kampung Berjaya Jenun, Kuala Muda dengan harga satu unit \$10,700 dengan bayaran \$35 sebulan dan kita akan mendirikan 100 unit lagi di Kampung Wan Tok Rendong, insya Allah jika kewangan mengizinkan dan bayaran kembali yang dibuat oleh pembeli-pembeli rumah ini dibayar dengan baik, usaha-usaha mendirikan rumah kos rendah ini akan lebih berjaya lagi.

Tuduhan yang telah dikeluarkan oleh Yang Berhormat mengenai projek pertanian tanaman kopi di kawasan Sik gagal ataupun dihentikan bukanlah kerana masalah kewangan, tetapi oleh sebab kawasan ini adalah kawasan yang akan terlibat dengan ampangan Paris satu-satunya ampangan di negeri Kedah dan oleh sebab kawasan ini

akan terlibat dengan kenaikan air, maka kita terpaksa menangguhkan usaha penanaman kopi ini dan KEDA sedang berusaha untuk mendapat satu kawasan lain. Kalau di ampangan Kenyir gajah boleh dipindahkan, tetapi kalau kopi sudah ditanam, kopi tidak boleh dipindahkan.

Kita mendapat kerjasama daripada banyak Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan, tetapi sudah tentulah kadang-kadang rambut sama hitam, hati lain-lain, terdapat juga sedikit sebanyak kesilapan dan kesilapan-kesilapan ini sudah dapat diatasi melalui pertemuan dan mesyuarat.

Kita sangat berkeyakinan penuh di bawah kepimpinan Pengerusinya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Karma-jaya, Menteri Besar Negeri Kedah, masalah kerjasama antara agensi-agensi lain dengan KEDA ini akan dapat diadakan dengan lebih baik daripada masa-masa yang lepas.

Saya suka merayu kepada badan-badan Kerajaan yang lain mestilah ada sikap apa yang boleh mereka lakukan untuk membawa kebaikan kepada KEDA dan rakyat bukan untuk merosakkannya dan saya percaya falsafah ini sedang dijalankan sekarang. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$2,400,000 untuk Maksud B. 63 di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$2,400,000 untuk Maksud B. 63 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

**Tuan Pengerusi:** Begitu juga masalah ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$30 yang disebutkan dalam Maksud P. 64 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1984; dan perbelanjaan sebanyak

\$61,325,805 dalam Maksud P. 63 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1983 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$30 untuk Maksud P. 64 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4), 1982; dan wang sebanyak \$61,325,805 untuk Maksud P. 63 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1983.

*Maksud P. 64 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1983)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan P. 64 di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar bagi Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama Tahun 1983 terbuka untuk dibahas.

3.48 ptg.

**Tuan Mutag Tagal (Bukit Mas):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran Maksud P. 64 berkenaan dengan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Tuan Pengerusi, peranan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar adalah amat penting oleh kerana satu daripada tugas Kementerian ini ialah untuk mencari jalan dan cara bagaimana negara kita dapat dibangunkan dari segi sosio ekonominya ketahap yang tinggi yang kita boleh banggakan, lebih penting lagi ialah tugasnya terhadap pembangunan luar bandar.

Adalah menjadi hakikat bahawa sebilangan besar rakyat Malaysia tinggal di luar bandar di mana terdapat penduduk-penduduk yang hidup dalam kemiskinan dan penderitaan.

Mengikut laporan yang dibuat oleh Unit Kajian Sosio Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri, jika kita menggunakan garis kemiskinan, dengan izin,

poverty line kepada \$384 sebulan bagi sekeluarga yang bilangannya 5, maka 42.8% rakyat Malaysia hidup di bawah garis kemiskinan ini.

Yang saya maksudkan dengan kemiskinan ialah bukan keadaan di mana seseorang itu tidak dapat makan ataupun minum sama sekali dalam satu hari (absolute stavation). Yang saya maksudkan ialah "relative poverty" di mana nilai dan kualiti hidup rakyat di luar, di bandar berlainan dengan nilai dan kualiti hidup rakyat di luar bandar.

Jika kita membuat satu gambaran, katalah kita sedang melawat kampung-kampung yang jauh dari bandar, sama ada misalnya kita melawat kampung-kampung kalau di Utara di Ulu Terengganu ataupun di Sabah di Ulu Kinabatangan, di Sarawak di Ulu Rejang, kita akan dapati gambaran dan keadaan yang sama mengenai hidup rakyat di luar bandar. Kebanyakan rumah mereka, terutama penduduk-penduduk di luar bandar sama ada rumah panjang ataupun rumah perseorangan, ia menunjukkan keadaan kemiskinan penduduk-penduduk di luar bandar. Rupa rumah ini, Tuan Pengerusi, lama dan buruk di mana atapnya masih dibuat daripada daun, lantai daripada kayu-kayan yang belum diproses oleh kerana tidak mampu untuk memproses ataupun membeli papan-papan yang telah diproses untuk membangunkan rumah. Rumah mereka tidak mempunyai kemudahan-kemudahan asas, seperti air minum (proper sanitation), kemudahan elektrik, kemudahan minyak gas untuk digunakan sebagai terang ataupun di dapur, pengangkutan yang sempurna, pusat kesihatan dan sebagainya. Mereka juga tidak mempunyai alat-alat yang mencukupi di rumah, seperti alat-alat dapur. Kalau kita melawat kampung-kampung ataupun rumah-rumah tersebut yang jauh dari bandar, setengah-setengah rumah tersebut tidak mempunyai cawan ataupun pinggan ataupun mangkuk yang mencukupi, tidak mempunyai alat seperti kerusi, meja, almari, kipas angin ataupun alat televisyen dan alat kenderaan yang terdapat di bandar.

Bagi kebanyakan keluarga yang miskin, pakaian mereka pun tidak mencukupi. Adalah menjadi satu hakikat di mana dalam satu keluarga, seseorang itu hanya memiliki mungkin satu ataupun dua pasang baju ataupun sarung sahaja, termasuk juga satu ataupun dua pasang kasut ataupun selipar yang digunakan tiap-tiap hari oleh kerana tidak mampu membeli pakaian yang banyak.

Jika kita membuat satu lawatan ke kampung kediaman Orang Asli di Tanah Tinggi Cameron ataupun ke kampung Suku Kaum Runggus di Sabah dan di hutan Sarawak tempat kediaman Suku Penan, kita dapat menyaksikan keadaan ini, keadaan yang begitu mundur sekali. Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk menentukan golongan rakyat yang miskin ini dapat manfaat dari hasil perkembangan ekonomi negara.

Dalam soal ini kita harus bertanya kepada diri kita sendiri apakah langkah yang perlu diambil supaya kemiskinan di kalangan rakyat di luar bandar dapat dihapuskan. Kita tahun bahawa pembasmian kemiskinan merupakan salah satu matlamat Dasar Ekonomi Baru dan matlamat ini perlu kita kaji dan nilai semula supaya segala langkah segera dapat diambil oleh Kerajaan untuk mencapai matlamat yang termaktub dalam Dasar Ekonomi Baru ini.

Tuan Pengerusi, pada pendapat saya langkah yang pertama yang harus diutamakan ialah pelaksanaan satu sistem infrastruktur yang lengkap, moden dan terbaru. Yang saya maksudkan ialah infrastruktur lebuhraya dalam bentuk lebuhraya, jalanraya di antara kampung dan bandar-bandar kecil. Satu sistem telekomunikasi yang lengkap, kemudahan elektrik dan air serta kemudahan-kemudahan pengangkutan awam yang lengkap dan juga kemudahan-kemudahan pemasaran bagi hasil-hasil aktiviti ekonomi penduduk di luar bandar.

Tuan Pengerusi, jika kita membuat satu perbandingan secara kasar kita dapati bahawa sistem infrastruktur

yang ada di Semenanjung adalah lebih maju, lengkap dan lebih sempurna dari sistem infrastruktur yang didapati di Sarawak ataupun di Sabah. Sebagai misal ambillah jalanraya di Sarawak. Keadaan jalanraya di Sarawak adalah begitu mundur sekali, bukan sahaja jalanraya di bandar tetapi di kampung-kampung juga. Jika dibanding dengan Sarawak, lebih banyak kampung di Semenanjung menikmati kemudahan lebuhraya dan jalanraya yang begitu elok sekali.

Semasa saya menuntut di pusat pengajian di Semenanjung dalam tahun-tahun yang lalu saya pernah dan kerap kali melawat kampung-kampung di seluruh Semenanjung termasuk pulau-pulau, misalnya Pulau Langkawi dan dalam perjalanan saya itu saya dapati bahawa kebanyakan jalanraya yang menghubungkan kampung-kampung, sama ada di pantai lautan, di pergunungan ataupun di estet-estet adalah maju, sempurna dan kebanyakan jalanraya tersebut ditarkan, tetapi di Sarawak di sebaliknya, kita tidak mempunyai sistem jalanraya yang begitu sempurna. Kebanyakan kampung-kampung ataupun rumah panjang di Sarawak terpisah dengan jarak yang luas sekali sehingga "accessibility" ke rumah panjang tersebut amatlah sukar sekali. Kebanyakan rakyat di luar bandar ini menggunakan sungai dan jika tidak ada sungai yang dapat digunakan mereka terpaksa berjalan kaki beberapa hari dan minggu sebelum mereka sampai ke destinasi mereka. Keadaan ini telahpun mewujudkan berbagai masalah dan kesulitan kepada mereka sehingga menjadi satu penderitaan yang teruk sekali.

Tuan Pengerusi, masalah yang timbul dari ketiadaan ataupun kekurangan kemudahan infrastruktur ialah para petani dan para nelayan tidak dapat memasarkan hasil dari tanaman ataupun penangkapan mereka itu ke pusat perdagangan seperti bandar-bandar yang terdapat dalam kawasan-kawasan di mana kampung-kampung tersebut terletak. Jika mereka tidak dapat mengeluarkan ataupun memasarkan barangan tersebut, ini

bererti bahawa sumber pendapatan mereka akan terhad dan pendapatan mereka akan berkurangan. Jika pendapatan mereka berkurangan ataupun tidak "consistence ataupun constant", ini akan mengurangkan "disposeble income" mereka sehingga mereka tidak dapat membeli ataupun menggunakan serta menikmati kemudahan-kemudahan asas, seperti rumah yang dilengkapi dengan alat-alat yang moden, seperti air elektrik, kemudahan kesihatan, pengangkutan yang mudah, barang-makan sehari dan sebagainya. Jika mereka tidak dapat menikmati kemudahan-kemudahan ini, ini bererti bahawa nilai-nilai hidup mereka tidak akan berubah menjadi baik.

Tuan Pengerusi, bagi kampung-kampung ataupun Rumah Panjang yang berdekatan dengan sungai, saya menyeru Kerajaan memberi peruntukan wang yang lebih banyak lagi di bawah Kementerian ini untuk menubuhkan jeti-jeti di kawasan kampung ataupun Rumah Panjang tertentu. Peruntukan wang juga harus diberi bagi memperbaiki dan menebas tebing sungai tersebut supaya dapat memberi keselesaan kepada pengguna-pengguna sungai yang terdapat merata-rata di seluruh Sarawak.

Bagi kampung-kampung ataupun Rumah Panjang yang jauh dari bandar seperti di kawasan tanah tinggi di Sarawak terutama tanah tinggi di Bahagian Keempat dan Kelima, pembinaan jalanraya di antara kampung akan digunakan bagi jalan kaki, basikal, motosikal, dengan izin bullock-cart dan trishaw. Selagi kampung-kampung ini tidak mempunyai perhubungan dengan bandar yang berdekatan, jalan kampung ini tidak dapat digunakan oleh kenderaan berjenis motor. Jadi, adalah penting bagi Kerajaan untuk membina jalanraya bukan sahaja di antara kampung tetapi di antara kampung dan bandar. Perhubungan ini harus dilaksanakan tidak kira jauh atau dekatnya kampung itu dari bandar supaya dalam melaksanakan ataupun pembinaan satu jalanraya di antara kampung dan bandar ini akan memudahkan perjalanan di antara kampung dan bandar tersebut supaya

para-para petani ataupun para nelayan yang ingin memasarkan hasil-hasil mereka, dapat memasarkan hasil penangkapan ataupun hasil-hasil tanaman mereka ke bandar. Dengan pemasaran ini kita berharap supaya pendapatan yang mereka dapati dalam pemasaran itu dapat digunakan untuk memperbaiki taraf kehidupan mereka.

Saya menyeru Kerajaan supaya menimbangkan ataupun mengambil titik berat tentang pentingnya pembinaan satu sistem instruktur yang merangkumi segala aspek ataupun segala aspek kemiskinan keperluan penduduk-penduduk di luar bandar. Dan saya menyeru Kerajaan terutama Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar supaya dalam membahagikan wang yang diperuntukkan untuk pembangunan luar bandar supaya memberi lebih banyak lagi peruntukan bagi kemajuan-kemajuan infrastruktur di negeri Sarawak oleh kerana kita dapati bahawa negeri Sarawak merupakan satu negeri yang mundur yang mempunyai kawasan yang luas sekali yang hampir-hampir sama besar dengan Semenanjung dan oleh kerana itu memerlukan wang peruntukan yang lebih banyak supaya dapat menjalankan tugas-tugas ataupun dapat menjalankan rancangan-rancangan yang dapat memberi kesan yang baik, yang dapat memberi kesan ataupun faedah manfaat yang akan memperbaiki taraf dan nilai hidup rakyat di luar bandar terutama di Sarawak.

Dalam tahun yang lalu negara kita telah mengalami keadaan di mana ada beberapa Rumah Panjang di Sarawak telah pun dimusnahkan oleh kerana api dan sungai yang menjadi besar dan beberapa Rumah Panjang dan beberapa keluarga yang terlibat dalam kemusnahan itu dan saya menyeru Kerajaan supaya menubuhkan satu contingency fund, dengan izin, supaya di sepanjang tahun wang ataupun peruntukan-peruntukan sedia ada di dalam fund ini supaya apabila satu kejadian berlaku oleh kerana keadaan cuaca yang buruk Kerajaan dengan secepat mungkin dapat menggunakan

wang ataupun simpanan dalam contingency fund ini untuk membiayai ataupun untuk memberi sumbangan kepada keluarga-keluarga yang terlibat. Kerajaan harus juga membuka fund ini kepada pihak swasta supaya dari masa ke semasa pihak swasta dalam bentuk perseorangan ataupun dalam bentuk syarikat dapat memberi sumbangan kepada fund ini supaya fund ini dapat menjadi satu fund di mana semua orang di negara ini, semua golongan dan semua lapisan rakyat dapat memberi sumbangan kepada fund ini supaya hasil-hasil dalam pungutan itu dapat digunakan untuk menampung segala keperluan yang akibat dari kejadian-kejadian yang berlaku tanpa disedari dari masa ke semasa dalam sesuatu tahun dan ini akan memberi pertolongan sumbangan yang berkesan kepada keluarga-keluarga ataupun kampung-kampung yang terlibat dalam masalah yang dihadapi. Yang kita terdapat pada setakat ini ialah apabila satu kemalangan terjadi Kerajaan terpaksa ataupun agensi-agensi tersebut terpaksa supaya meminta derma dari pihak awam. Pada pendapat saya satu sistem yang teratur yang dapat kita fikirkan ialah supaya menubuhkan satu fund ini supaya dapat memberi kesan yang baik kepada rakyat jelata yang akan menghadapi masalah yang timbul dari satu kejadian yang kita tidak sedar.

Dan juga saya ingin menyeru kepada Kementerian ini supaya dalam melaksanakan rancangan-rancangan dan projek-projek pembangunan luar bandar, apa juga projek-projek ataupun pembangunan rancangan yang diadakan di Semenanjung Malaysia harus dilaksanakan di negeri Sarawak dan Sabah oleh kerana ada juga projek-projek ataupun rancangan-rancangan yang dilaksanakan di Semenanjung yang belum dilaksanakan di Sabah dan Sarawak dan saya menyeru kepada Kerajaan Persekutuan supaya dalam melaksanakan dasar-dasar di bawah Kementerian ini supaya jangan tinggalkan negeri Sarawak supaya bersama-sama negeri di seluruh tanahair dapat menikmati dari perkembangan ataupun dari

rancangan-rancangan yang direncana, yang dilaksanakan oleh Kementerian ini dari masa ke semasa.

Dengan ini saya ingin menyokong.

4.10 ptg.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria (Bagan Datok):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong tambahan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan di bawah Maksud P.64 untuk Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Tuan Pengerusi, sesungguhnya tahniah kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang telah memohon peruntukan tambahan untuk diluluskan di Dewan yang mulia ini. Sesungguhnya kita sedia maklum, bahawa kita tidak lupa kepada Allahyarham Tun Abdul Razak, bekas Perdana Menteri dan juga yang kita beri gelaran Bapa Pembangunan Negara dan Luar Bandar mewujudkan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Ini adalah semata-mata dengan keinsafan dan kesedaran beliau dalam masa hayatnya mengendalikan teraju pemerintahan negara Malaysia yang merdeka ini ialah kerana kecikiran ataupun ketinggalan yang begitu daif kepada penduduk-penduduk ataupun warganegara Malaysia yang tinggal di luar bandar majoritinya kepada kaum Bumiputera, orang-orang Melayu.

Maka dengan perlaksanaan di bawah Butiran 20 mengenai bekalan air di luar bandar untuk negeri-negeri, begitu juga Butiran 23 di dalam pemberian kepada negeri-negeri untuk jalan-jalan di luar bandar dan Butiran 25 iaitu pembangunan masyarakat bagi menaikkan taraf jalan kampung, sangat-sangatlah saya alu-alukan, Tuan Pengerusi. Di dalam erti kata Butiran 20 mengenai bekalan air di luar bandar, ini memanglah diakui . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, duit itu tidak diminta.

### Tuan Yahya bin Haji Zakaria Ya?

**Tuan Pengerusi:** Di bawah Butiran 20 itu tidak diminta perumahan dan Butiran 25 itu pun tidak diminta. Yang diminta ialah Butiran 23.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Minta maaf, Tuan Pengerusi, saya tidak berapa nampak, halus sangat tulisannya. Ya, di bawah Butiran 23, perkara-perkara mengenai kekurangan-kekurangan keperluan asas di luar bandar ini seperti air, api dan jalan ini sangat-sangatlah diperlukan oleh penduduk-penduduk luar bandar.

Walaupun keadaan negara kita telah mencapai kemerdekaan selama 26 tahun dan walaupun kita mengakui Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah banyak membuat peningkatan dalam usaha-usaha untuk memberikan keperluan asas kepada penduduk-penduduk luar bandar ini, tetapi kewangannya masih belum mencukupi.

Saya sedar perkara ini oleh sebab saya selalu berjumpa terutama sekali Yang Berhormat Setiausaha Parlimen membincangkan perkara ini dan beliau selalu mengatakan bahawa yang sebenarnya kewangan untuk diperuntukkan kepada Kementerian ini adalah tidak mencukupi.

Maka saya berharap kepada Perdana Menteri ataupun Jabatan Perdana Menteri khasnya Kerajaan cuba mempertingkatkan peruntukan wang terutama sekali kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini khususnya mengenai keperluan yang perlu diperlengkapkan kalau boleh saya sangat berharap dalam masa lima atau sepuluh tahun yang akan datang tidak ada lagi timbul kepada Wakil-wakil Rakyat yang sentiasa turun menemui rakyat di luar-luar bandar, sentiasa dihujani pertanyaan dan meminta pertolongan kepada sama ada Wakil Parlimen ataupun Wakil Rakyat Dewan Undangan Negeri yang berkehendakkan pembelaan terhadap keperluan-keperluan jalan, api dan air.

Bagi kami Wakil-wakil Rakyat sama ada Ahli Parlimen atau Dewan Undangan Negeri, peruntukan yang diperuntukkan kepada Wakil Rakyat itu sudah tidak mencukupi dan sangat-sangat menyedihkan, Tuan Pengerusi, apabila umpamanya di dalam kawasan saya sendiri juga di seluruh negara barangkali terdapat kawasan-kawasan yang sama di mana kawasan tanah yang berlumpur tidak berpasir atau kawasan tanahnya bukannya tanah merah apabila turun musim hujan apabila sampai musim tengkujuh, jalan-jalan yang ada di dalam kampung itu tidak boleh dilalui oleh orang-orang kampung ataupun oleh orang-orang luar bandar.

Jalan ini perlunya pertama sekali adalah membawa hasil pertanian mereka untuk nafkah hidup mereka. Yang kedua jalan ini adalah merupakan perhubungan daripada rumah sama ada ke pekan, ke kedai dan sebagainya. Dan yang ketiga adalah keperluan anak-anak sekolah yang berulang daripada rumah ke sekolah dan balik ke rumah masing-masing.

Kepada kawasan tanah yang berlumpur, apabila hujan bukan sahaja kenderaan tidak boleh dilalui, bahkan berjalan kaki pun tidak boleh. Dan pernah di kampung saya sendiri, basikal terpaksa naik atas bahu, bukan penunggang itu naik atas basikal, tetapi basikal terpaksa dipikul kerana jalan ini tidak boleh dilalui.

Saya sedar berkenaan dengan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah menaikkan taraf jalan-jalan kepada jalan kampung ataupun jalan tar tetapi keadaan ini masih lagi tidak mencukupi dan ada pula setengah-setengah tempat itu jalan yang dibuat ini hanya setengahnya sahaja tetapi tidak dipersiapkan ataupun diperlengkapkan. Ini sangatlah menyedihkan kerana saya pernah berjumpa dengan rakyat mengadu hal kepada saya untuk menghantar anak ke sekolah umpamanya di waktu pagi terpaksa keluar pukul 6.00 atau 5.30 subuh untuk menyorong anak-anak

mereka itu pergi ke sekolah diletakkan di belakang basikal, disorong bukan dinaiki basikal itu. Inilah yang sangat berkesan di hati saya, di mana kesedihan itu merupakan suatu yang patut diberi pembelaan kepada orang-orang kampung yang saya sebutkan tadi.

Selain daripada itu untuk pengetahuan Kementerian yang berkenaan, Setiausaha Parlimen supaya wang yang dibelanjakan untuk pembangunan luar bandar ini supaya diawasi tentang pengawasannya misalnya apa yang terdapat kepada jalan-jalan di kampung-kampung apabila telah siap sama ada dibubuh dengan batu lombong atau pun dengan taraf jalan tar di kampung, tetapi pengawasannya tidak begitu rapi.

Saya tidak faham sama ada pengawasan jalan itu diserahkan kepada Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung dan sebagainya, tetapi apa yang mendukacitakan sepatutnya jalan ini tidak boleh dilalui oleh lori umpamanya tetapi ada orang-orang yang mengambil kesempatan untuk kepentingan, keuntungan mereka itu tanpa menghiraukan kepentingan awam, penduduk di luar bandar, telah menjadikan jalan-jalan yang dibina oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini begitu baik tetapi telah menjadi rosak dan untuk mendapat wang bagi memperbaiki semula jalan-jalan yang telah dibuat ini adalah memerlukan pula perbelanjaan yang banyak dan perlu pula nanti tambahan untuk kita luluskan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, dalam perkara-perkara lain seperti api letrik dan sebagainya, saya rasa perkara ini juga tidak dimasukkan tetapi saya sukalah mencadangkan supaya diperhebatkan jugalah oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini berkenaan dengan bekalan api di kampung-kampung.

Jadi saya rasa itu sahajalah yang dapat saya menyokong bagi tambahan yang diperlukan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini

di bawah Maksud P. 64 dalam pembentangan untuk kita luluskan bagi penambahan perbelanjaan bagi tahun 1983.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Baling.

4.20 petang.

**Tuan Haji Seroji bin Haji Haron (Baling):** Tuan Pengerusi, saya akan bercakap berhubung dengan Maksud P. 64 Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar iaitu Bekalan Air Luar Bandar Semenanjung Malaysia dan Bekalan Air Luar Bandar Negeri-negeri yang mana usaha ini sangat perlu dan mustahak bagi rakyat pendapatan rendah dan mempunyai minat untuk bersama-sama dalam mendapatkan air. Kemudahan ini sepatutnya telah lama dinikmati oleh penduduk luar bandar tetapi keadaan ekonomi mereka turut terjejas di paras yang sangat berkurangan maka sekim bayaran insuran bulanan bagi penduduk-penduduk luar bandar hendaklah dituntukkan juga supaya mereka dapat menyertai nikmat kemerdekaan dan manfaat dari projek itu. Saya percaya dengan adanya peruntukan khas Kementerian ini dalam usaha menolong penduduk luar bandar dengan bayaran insuran bulan diuntukkan.

Tuan Pengerusi, ketinggalan ini berlaku bagi penduduk yang berhampiran dengan pekan sendiri, terjadi juga yang mana bekalan air tersebut di hadapan mata mereka ada tetapi telah lama disedikan tetapi kerana kekurangan ekonomi maka kemudahan tersebut ditinggalkan. Umpamanya, beberapa buah kampung di kawasan saya sendiri iaitu di Pekan Baling iaitu di Pokok Sena dan juga di Batu 7 Baling dan Dalamwang Mukim Pulau.

Bagi Butiran 23 untuk Jalan Luar-bandar. Tuan Pengerusi peruntukan ini dialu-alukan kerana banyak kampung-kampung yang memerlukan untuk membinakan jalan-jalan di luar

bandar bagi menyenangkan kanak-kanak ke sekolah dan rakyat mengeluarkan hasil-mahsul mereka. Banyak jalan kampung terputus dan rosak kerana dilanda oleh banjir. Oleh itu diharap pembangian ini diberi lebih kepada negeri-negeri yang mundur seperti Kedah, Perlis dan juga Kelantan.

Tuan Pengerusi, bagi Butiran 25, Pembangunan Masyarakat—menaiki taraf jalan kampung, menerusi Dewan ini saya berharap usaha ini adalah mustahak dan penting untuk menaiki taraf dan jalan-jalan kampung yang kian lama telah ketinggalan. Penderitaan rakyat dengan habuk-habuk di musim kemarau dan lincin di musim hujan yang perlu supaya dibesarkan, sekurang-kurangnya 9 kaki dan tidak seperti sekarang hanya 6 kaki, yang mana menjadi masalah besar dan kesulitan kepada orang-orang kampung yang sentiasa tak habis-habis kerana tiada kenderaan yang boleh membawa hasil-mahsul dan menghantar bahan-bahan perusahaan untuk dipasarkan oleh mereka terganggu dan kadang kala berlaku pelanggaran kerana terlampau sempit jalan yang ditarkan itu.

Tuan Pengerusi, menerusi Dewan ini saya mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua Kementerian iaitu Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dapat mengadakan satu ikhtiar baru iaitu mengadakan projek masyarakat bagi kawasan-kawasan dan tempat-tempat yang mempunyai punca air di kawasan pendalaman.

Oleh itu, saya berharap usaha bersama di antara dua Kementerian ini ditingkatkan dan diberi tambahan peruntukan demi kemudahan rakyat di luar bandar.

Projek-projek ini sangat menarik di kawasan luar bandar dan banyak akan memberi manfaat kepada rakyat di kawasan pendalaman dan juga di luar bandar.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat Sungai Petani.

4.25 *ptg.*

**Wan Zainab binti M.A. Bakar (Sungai Petani):** Tuan Pengerusi, saya juga bersama dengan rakan-rakan saya bangun untuk menyokong Maksud P. 64 Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini yang telah memberi pandangan berat kepada mereka yang tinggal di luar bandar.

Tuan Pengerusi, saya suka sentuh kepada Butir 20 Bekalan Air Luar Bandar iaitu Bekalan Air Luar Bandar Negeri-negeri. Saya berpendapat masih banyak lagi kampung-kampung yang belum menikmati bekalan air luar bandar ini. Tidakkah kita rasa masalah ini sangat perlu diberi perhatian berat? Kalau begitu, saya berpendapat wajar sangat peruntukan bagi bekalan air luar bandar ini dilipatgandakan atau diberi satu peruntukan yang benar-benar menasabah.

Kita telah merdeka 27 tahun. Pada orang-orang di bandar tidak menjadi masalah tetapi di kampung-kampung yang masih belum mengecapi bekalan air, sungguh-sungguh mereka itu dahagakan kepada pemberian yang akan kita berikan pada mereka itu.

Menyentuh Butiran 23 Jalan Luar Bandar, begitu juga Butiran 25, Pembangunan Masyarakat, menaiki taraf jalan kampung-kampung, sukalah saya mengatakan iaitu penduduk di luar bandar adalah rakyat yang taat setia kepada Kerajaan. Oleh itu, saya pohon sungguh-sungguh supaya di semua segi baik dari sosial, ekonomi dan lain-lain bidang patutlah ditambah di segi peruntukan. Saya rasa orang-orang dalam bandar tidak sedikitpun rasa iri hati kalau kita beri lebih banyak lagi peruntukan pun tidak mengapa, sebab mereka masyarakat di luar bandar ini memang kekurangan serba-serbi.

Jadi saya tak banyak hendak bercakap, hanya minta sungguh-sungguh kepada Kementerian ini ditambah peruntukannya. Saya rasa kalau lipat-ganda dua kali tak mencukupi, biarlah 4 kali ganda sekalipun, sudah sampai masa orang-orang di luar bandar itu dapat menaiki satu taraf yang lebih baik dan lebih sempurna di segi kedudukan mereka itu dan di segi warisan anak-anak mereka di kemudian hari kelak.

4.37 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas, Bagan Datok, Baling dan juga Sungai Petani yang telah sudi mengambil bahagian dalam perbahasan berkenaan dengan pertambahan peruntukan bagi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Dan juga saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Ahli-ahli Yang Berhormat itu yang telah bangun untuk membawa penderitaan rakyat diwakili oleh mereka ke dalam Dewan ini dan saya yang datang dari kawasan Grik yang juga merupakan salah satu kawasan yang paling mundur dalam negara ini merasa begitu bersimpati sekali dengan saranan yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu, terutama sekali Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas dan juga Baling kerana kawasan-kawasan itu merupakan kawasan-kawasan yang sedia kita maklum sebagai kawasan yang masih mundur.

Tuan Pengerusi, apabila Kementerian ini meminta peruntukan tambahan sebanyak \$21,030,210 sebenarnya peruntukan yang diminta ini ialah untuk jalan luar bandar. Peruntukan yang telah disediakan pada tahun 1983 ialah sebanyak \$134,500,000. Kos projek-projek yang sedang berjalan di seluruh negara ialah sebanyak \$175,520,190. Bagi tujuan untuk menjelaskan bayaran sebanyak ini pada

tahun 1983, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah menghadapi kekurangan peruntukan sebanyak \$41,020,190. Kekurangan ini telah ditampung melalui Pindah Peruntukan dari Kepala Peruntukan Kementerian sebanyak \$19,989,960.

Ini juga didapati tidak mencukupi dan ianya memerlukan tambahan peruntukan sebanyak \$21,030,210.00. Peruntukan tambahan ini digunakan bagi menampung perbelanjaan kontrak pembinaan jalan-jalan luar bandar di seluruh negara.

Tuan Pengerusi, dalam menjawab soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, sukalah saya membezakan di antara jalan luar bandar dengan jalan-jalan kampung, jalan-jalan luar bandar ialah jalan-jalan negeri yang dibiayai melalui peruntukan Persekutuan dan mengikut piawai minima JKR 01. Manakala jalan-jalan kampung pula ialah jalan-jalan yang tidak mengikut sebarang piawai dan dilaksanakan oleh Penolong Pegawai Daerah Pembangunan Masyarakat dan juga Pegawai Kemajuan Negeri masing-masing. Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, dalam menjawab persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, sukalah saya menegaskan bahawa Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar akan berusaha untuk memperbaiki infrastruktur-infrastruktur yang ada di kawasan-kawasan pedalaman.

Sebagaimana yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok tadi yang mengatakan bahawa ada setengah-setengah jalan yang mana basikal terpaksa naik atas bahu orang, sebenarnya perkara-perkara seumpama ini masih berlaku lagi di kawasan-kawasan pedalaman termasuk juga di kawasan saya. Oleh itu saya amat faham perkara ini dan amat bersimpati dengan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Dan dengan itu saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani dan juga Bagan Datok yang telah meminta supaya peruntukan yang diberikan kepada

Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini ditambah. Dan mengikut kata Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani tadi biarlah ditambah dua, tiga, ataupun empat kali ganda. Saya mengucapkan ribuan terima kasih dan saya yakin dan percaya jika pertambahan peruntukan ini diberi oleh Kerajaan kepada Kementerian maka sudah tentulah projek-projek yang diminta oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu dapat dilaksanakan. Dan bagi pihak Kementerian, saya sukalah menyatakan bahawa jika pertambahan peruntukan ini diberi maka keutamaan juga oleh kerana saya sudah dengar sendiri dalam Dewan ini maka keutamaan juga akan diberikan kepada terutama sekali Sungai Petani.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas, sukalah saya nyatakan bahawa pada tahun 1983, Sarawak telah diperuntukkan sebanyak \$3,544,592.00 yang mana peruntukan yang telah dibelanjakan hanyalah \$2,257,000.00 sahaja setakat 15-1-1984. Dan pada tahun ini peruntukan yang diberi kepada Sarawak berjumlah \$3,035,500.00 dan setakat suku akhir tahun 1984 hanya dibelanjakan sebanyak \$750,000 sahaja. Jadi, saya inginlah meminta jasa baik daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian terutama sekali daripada Bukit Mas untuk memastikan bahawa peruntukan-peruntukan yang telah diberi oleh Kerajaan Pusat ini dapat dibelanjakan dengan licin sebaik-baiknya oleh pihak negeri dan jikalau pihak negeri menghadapi apa-apa masalah supaya Yang Berhormat juga dapat bekerjasama dengan pihak negeri untuk mengatasi masalah-masalah yang mungkin timbul.

Berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok, sukalah saya menyatakan bahawa bagi tahun 1983 Negeri Perak telah diperuntukkan sebanyak \$3,249,660.00 dan perbelanjaan sebenar setakat 15-1-1984 ialah \$3,297,651. Dan bagi tahun 1984 Negeri Perak hanya diperuntukkan

sebanyak \$1,322,000 sahaja jika dibandingkan dengan Sarawak sebanyak \$3,035,500.

Tuan Pengerusi, bagi Negeri Sarawak juga jalan-jalan yang telah disiapkan hingga tahun 1982 ialah sejauh 34.61 kilometer dan pada tahun 1982, di akhir tahun 1982 jalan-jalan sejauh 242.94 kilometer telahpun dilaksanakan. Dan bagi Negeri Kedah sehingga 30-6-1982 sejauh 289.32 kilometer telahpun dilaksanakan. Ini menunjukkan bahawa pihak Kementerian sentiasa memberikan perhatian kepada kawasan-kawasan yang lebih mundur terutama sekali jika dibandingkan di antara negeri Kedah dengan negeri **Perak**.

Bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Baling, sukalah saya menyatakan bahawa jalan-jalan kampung yang terputus dan juga rosak di kawasan Baling telahpun dibaiki. Dan jalan-jalan luar bandar terutama sekali jalan-jalan di kawasan Yang Berhormat Ahli Parlimen dari Baling, telahpun dibina iaitu sejauh 1.4 kilometer.

Bagi perkara-perkara lain yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, misalnya berkenaan dengan air luar bandar, jalan-jalan kampung, rumah-rumah yang terbakar dan sebagainya walaupun perkara ini tidak termasuk dalam peruntukan yang telah diminta oleh Kementerian tetapi perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ini akan diambil perhatian oleh Kementerian dan dalam masa Kementerian memberikan peruntukan-peruntukan di masa yang akan datang, perkara-perkara yang telah dibangkitkan ini akan diambil sebagai asas-asas untuk membahagikan peruntukan di masa yang akan datang.

Akhirnya, sekali lagi saya mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas, Bagan Datok, Baling dan juga Sungai Petani yang telah sudi mengambil bahagian dalam perbincangan berkenaan dengan peruntukan yang diminta oleh Kementerian ini.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$21,030,210 yang disebutkan dalam Maksud P.64 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1983 di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$21,030,210 untuk Maksud P.64 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1983.

*Fasal 1 hingga 3* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$934,771,605 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan—

- (1) bagi tahun kewangan 1982, untuk menampung sejumlah \$250 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat 1982 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 7 Tahun 1984 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (projek-projek) dalam ruang kesepuluh dan kesebelas; dan
- (2) bagi tahun kewangan 1983, untuk menampung sejumlah \$934,771,355 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 1983 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun

1984 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesepuluh dan kesebelas.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula*  
(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh  
*mempengerusikan Mesyuarat*).

#### Bacaan Kali Yang Ketiga

**Dato Sabaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1982 dan 1983) telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## USUL

**Dato Sabaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$934,771,605 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan—

- (1) bagi tahun kewangan 1982, untuk menampung sejumlah \$250 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan

kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat 1982 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 7 Tahun 1984 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (projek-projek) dalam ruang kesepuluh dan kesebelas; dan

- (2) bagi tahun kewangan 1983, untuk menampung sejumlah \$934,771,355 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 1983 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 1984 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesepuluh dan kesebelas.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa usul ini dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$934,771,605 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan—

- (1) bagi tahun kewangan 1982, untuk menampung sejumlah \$250 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat 1982 yang dibentangkan sebagai Kertas

Perintah 7 Tahun 1984 dan yang disenaraikan disebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (projek-projek) dalam ruang kesepuluh dan kesebelas; dan

- (2) bagi tahun kewangan 1983, untuk menampung sejumlah \$934,771,355 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 1983 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 1984 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesepuluh dan kesebelas.

## RANG UNDANG-UNDANG

### KAWALAN TIMAH (PINDAAN)

4.45 ptg.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bertajuk Suatu Akta untuk Meminda Ordinan Kawalan Timah 1954 yang mana di dalam Rang Undang-undang tersebut Akta itu dinamakan Akta Kawalan Timah (Pindaan) 1984, dibacakan pada kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa eksport timah memainkan peranan penting di dalam pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara. Walau bagaimanapun bagi tahun 1982, nilai eksport negara bagi timah ialah berjumlah \$1,597.1 juta iaitu mencatatkan kekurangan sebanyak \$351.1 juta (18%) berbanding dengan nilai bagi tahun 1981 yang berjumlah \$1,948.2 juta. Jumlah pendapatan negara dari hasil cukai eksport ke atas timah yang diperdagangkan keluar negeri turut terjejas di mana sebanyak \$158.9 juta telah diperolehi dalam tahun 1982 berbanding dengan \$298

juta yang telah diperolehi dalam tahun 1981. Kesan-kesan kemerosotan yang dialami di dalam nilai eksport timah dan seterusnya hasil cukai eksport negara ini adalah akibat dari keadaan pasaran timah antarabangsa yang tidak stabil berikutan ketidakseimbangan di antara penawaran dan permintaan yang mempengaruhi harga timah di pasaran dunia.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhir tahun 1981 dan sepanjang tahun 1982 harga timah di pasaran dunia merosot sama sekali sementara pada awal tahun 1983 telah mula menambahkan sedikit tanda-tanda pemulihan harga. Ini adalah sebahagian dari hasil penguatkuasaan kawalan eksport oleh Majlis Timah Antarabangsa iaitu selaras peruntukan di dalam Perjanjian Timah Antarabangsa Yang Keenam. Walau bagaimanapun, di dalam awal tahun 1984 ini harga timah di pasaran dunia masih berada di paras yang tidak memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, Perjanjian Timah Antarabangsa Keenam telah pun berkuatkuasa secara sementara mulai pada 1hb Julai 1982 dan saya telah meletakkan suatu asas yang kukuh untuk suatu tindakan yang bersepadu dan berkesan khususnya untuk negara-negara pengeluar utama di dalam untuk melindungi kepentingan bersama di pasaran timah antarabangsa. Negara Malaysia, sebagai pengasas Perjanjian tersebut serta kekal sebagai negara pengeksport timah yang terbesar ke pasaran antarabangsa mempunyai peranan yang penting dan berpengaruh di dalam menentukan keberkesanan suatu tindakan seperti langkah kawalan eksport yang sedang dikuatkuasakan oleh Majlis Timah Antarabangsa mencapai hasrat dan objektusnya. Di dalam konteks ini, negara Malaysia telah memperlihatkan kewibawaannya di dalam melaksanakan langkah kawalan eksport tersebut melalui penguatkuasaan peruntukan undang-undang yang sedia ada seperti Ordinan Kawalan Timah 1954, Peraturan Kawalan Timah (Pergerakan Bijih Padat Timah) 1977 serta usaha-usaha bersama dengan Dewan-dewan dan

Kesatuan-kesatuan Pekerja Perlobongan Malaysia untuk memupuk sikap disiplin di kalangan mereka yang terlibat di dalam aktiviti-aktiviti melombong dan perdagangan timah.

Sukalah saya menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa Agensi-agensi Kerajaan yang dipertanggungjawabkan dengan penguatkuasaan peruntukan undang-undang yang sedia ada telah menjalankan perannya secara berkesan di mana dalam tahun 1981, seramai 20 orang telah didakwa di mahkamah dengan melibatkan rampasan sebanyak 35,934 kilogram bijih timah bernilai \$1.36 juta. Dalam tahun 1982, jumlah orang didakwa di Mahkamah meningkat kepada 50 orang kesemuanya dengan melibatkan bijih padat timah yang berjaya dirampas sebanyak 73,859 kilogram bernilai \$2.17 juta. Seterusnya di sepanjang tahun 1983 sejumlah 35 orang telah berjaya didakwa di mahkamah dengan jumlah bijih padat timah yang dirampas sebanyak 135,150.42 kilogram bernilai \$4.1 juta.

Sungguhpun Agensi-agensi Kerajaan yang dipertanggungjawabkan dengan penguatkuasaan undang-undang tersebut telah menjalankan perannya secara berkesan, namun demikian adalah didapati beberapa Seksyen Kawalan Timah, 1954 perlu dipinda sekarang untuk memberi cengkaman kuasa yang lebih luas, selaras dengan perkembangan yang pesat di dalam aktiviti-aktiviti perlombongan dan perdagangan timah di dalam negara ini. Dengan pindaan yang dibuat ini maka Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab kepada perlombongan boleh membuat pindaan-pindaan segera ke atas Peraturan-peraturan Kawalan Timah (Pemindahan Bijih Padat Timah) 1977 untuk memberi cengkaman kuasa yang lebih luas kepada Agensi-agensi Penguatkuasa Kerajaan seperti Jabatan Kastam, Jabatan Polis dan Jabatan Galian untuk membanteras penyeludupan timah dan pengelakan duti ke atas timah dan bijih padat timah serta segala aktiviti yang boleh membawa kepada penyeludupan.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama dicadangkan pindaan yang dikemukakan ini ialah untuk meluaskan cengkaman Akta ini ke atas segala bentuk pergerakan timah di dalam negara khususnya, bagi membanteras penyeludupan timah ke luar negeri dan pengelakan duti ke atas timah dan bijih padat timah dan juga bagi melaksanakan langkah-langkah yang diambil melalui Perjanjian Timah Antarabangsa.

Cadangan pindaan kepada Ordinan Kawalan Timah, 1954 yang akan dibentangkan untuk mendapat persetujuan dan kelulusan Parlimen, adalah meliputi (1) Meminda Tajuk Ordinan; (2) Meminda Seksyen 3 (1); (3) Mewujudkan satu peruntukan baru di dalam Seksyen 3 (2) dan; (4) Meminda Seksyen 4, Ordinan Kawalan Timah, 1954. Butir-butir pindaan tersebut secara terperinci adalah seperti berikut:

- (1) *Meminda Tajuk Ordinan Kawalan Timah, 1954—Perenggan 1, Ordinan Kawalan Timah, 1954.*

Akta Kawalan Timah, 1954 yang dalam Akta ini disebut "Ordinan", adalah dipinda dengan memasukkan dalam tajuk panjang perkataan "movement", selepas perkataan "purchase" dan perkataan "and" selepas perkataan "concentrates".

Tujuan meminda tajuk panjang Ordinan tersebut adalah untuk meluaskan bidang Ordinan tersebut untuk kegunaan dan keperluan di dalam negara, di samping maksud asal Ordinan ini untuk melaksanakan langkah-langkah yang diambil melalui Perjanjian Timah Antarabangsa. Pindaan tajuk ini akan memberi kuasa yang sewajarnya kepada Agensi-agensi Penguatkuasa untuk menguatkuasakan secara berkesan pelaksanaan dasar-dasar negara yang berkaitan dengan aktiviti perlombongan dan perdagangan timah. Jelaslah, Tuan Yang di-Pertua, bahawa dengan memasukkan perkataan "movement" ke dalam

tajuk Ordinan ini, maka Agensi Penguatkuasa adalah diberi kuasa yang diperlukan untuk mengawal segala bentuk pergerakan timah di dalam negara ini bagi membanteras penyeludupan timah dan pengelakan bayaran duti ke atas timah dan bijih padat timah serta segala jenis aktiviti yang boleh membawa kepada penyeludupan. Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, di bawah Ordinan Kawalan Timah, 1954 yang sedia ada, Agensi Penguatkuasa hanya setakat ini diberi kuasa untuk mengawal dan mengatur pengeluaran, pemunyaan, pembelian, penjualan, penghantaran dan pengeksportan timah dan bijih padat timah sepertimana yang yang tertera di dalam tajuk Ordinan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, jelaslah bahawa Agensi Penguatkuasa belum diberi kuasa dengan lebih jelas dan tegas untuk mengawal semua bentuk pergerakan timah di dalam negara ini, kecuali semasa timah dihantar (deliver) sama ada untuk dijual di dalam negeri atau siap untuk dieksport ke luar negeri. Di dalam hal yang demikian, penyeludup timah masih boleh menggunakan helah apabila ditahan iaitu dengan memberi pengakuan bahawa timah yang sedang dibawa dari satu tempat ke satu tempat yang berkenaan bukanlah untuk dijual atau dieksport tetapi sekadar untuk memunggah timah tersebut dari satu tempat yang lain di dalam sempadan sesebuah negeri.

- (2) *Meminda Seksyen 3, Ordinan Kawalan Timah, 1954*

Seksyen 3, Ordinan ini adalah dipinda dengan menggantikan Subseksyen (1) yang sedia ada dengan satu Subseksyen (1) yang baru seperti di bilangan 3 di dalam Rang Undang-undang ini.

Tujuan meminda seksyen ini ialah untuk meluaskan bidang kuasa Menteri Perusahaan

Utama terhadap perlombongan untuk membuat peraturan-peraturan khususnya bagi maksud mengawal segala bentuk pergerakan timah dan bijih padat timah di dalam negara dan untuk melaksanakan langkah-langkah yang diambil melalui Perjanjian Timah Antarabangsa; serta untuk semua perkara yang berkaitan dengannya. Dengan wujud kuasa yang lebih luas di bawah peruntukan yang dicadangkan ini, maka Menteri yang bertanggungjawab boleh melaksanakan pentadbiran dan pengawalan yang lebih menyeluruh dan berkesan terhadap segala bentuk aktiviti perlombongan dan perdagangan timah bagi kepentingan negara keseluruhannya.

- (3) *Mewujudkan satu peruntukan baru di dalam Seksyen 3 (2) dengan memasukkan selepas perenggan (a) Subseksyen tersebut, perenggan (aa) seperti mana di dalam bilangan 3 (b) Rang Undang-undang berkenaan.*

Tujuan mewujudkan satu peruntukan baru di dalam Seksyen 3 (2) di dalam Ordinan tersebut adalah untuk memberi kuasa kepada Menteri yang berkenaan untuk membuat peraturan-peraturan yang diperlukan untuk memberi kuasa kepada pegawai-pegawai penguatkuasa untuk menggeledah, mensita, menangkap, membuat sekatan di tempat-tempat awam, menyasat dan memeriksa orang dan selanjutnya mengadakan peruntukan bagi menyimpan, pelepasan atau lain-lain pelepasan atau apa-apa barang yang disita di bawah peraturan-peraturan itu, membuat angapan kebolehterimaan fakta-fakta dan dokumen-dokumen dalam prosiding mahkamah dan perkara-perkara yang berhubung dengan "informer" ataupun yang memberitahu. Jelasnya peruntukan baru yang dicadangkan ini, akan memberi kuasa yang

lebih luas kepada pegawai-pegawai penguatkuasa untuk membanteras segala bentuk aktiviti di dalam negara yang boleh membawa kepada penyeludupan dan pengelakan ke atas bayaran duti eksport timah. Pewujudkan peruntukan baru ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah penting memandangkan bahawa Agensi Penguatkuasa perlu diberi kuasa yang luas dan mutlak bagi membolehkannya bertindak dengan berbagai cara yang berkesan selaras dengan hasrat negara untuk mewujudkan aktiviti perlombongan dan perdan terkawal.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu kuasa yang diberi oleh peruntukan baru ini akan menjamin keupayaan Kerajaan melaksanakan langkah-langkah yang diambil melalui Perjanjian Timah Antarabangsa dengan lebih berkesan dan teratur.

Perkara yang kedua yang ingin saya sentuh di sini iaitu berhubung dengan Persatuan Negara-negara Pengeluar Bijih Timah. Sebagaimana yang kita semua maklum bahawa industri timah di negara kita pada hari ini telah pun menempa satu zaman yang gemilang dengan termetrinya perjanjian Pertubuhan Persatuan Negara-negara Pengeluar Timah yang berlangsung di Bangkok, Thailand pada tahun lalu. Dan dengan tertubuhnya persatuan ini, maka lahirlah satu saluran yang dijangka akan memberi faedah bersama kepada pengeluar bijih timah dan wujudlah satu kekuatan di kalangan ahli-ahlinya untuk menuntut harga yang lebih adil dan stabil daripada negara-negara pembeli yang secara kebetulan adalah negara-negara perindustrian seperti Amerikat Syarikat, Britain dan juga negara-negara yang terdapat di Eropah Barat seperti German Barat dan sebagainya.

Oleh kerana Persatuan Negara-negara Pengeluar Timah ini baru sahaja dilahirkan, masih lagi anak kecil, maka adalah menjadi harapan

saya ini supaya agar anak kecil ini dijaga dengan baik, dipelihara dengan betul agar ianya menjadi satu gergasi satu hari nanti maka tidak mudahlah kita diperkotak katikkan oleh negara-negara pembeli. Kita tidak mahu lagi menjadi mangsa terutama sekali apabila memandangkan bahawa negara kita ini adalah merupakan pengeluar utama bijih timah dunia. Kita tidak mahu lagi ditekan dan dihimpit oleh negara-negara pembeli.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diharapkan juga bahawa persatuan yang baru kita lahirkan ini tidak akan menimbulkan perasaan syak wasangka dan dituduh oleh negara-negara pembeli sebagai satu percubaan oleh negara-negara pengeluar bijih timah untuk menubuhkan sebuah "cartel" timah (tin cartel) sebagaimana yang terdapat dalam OPEC. Kita mestilah jauh dari perkara-perkara yang boleh menyebabkan kita dituduh sedemikian. Kekalkanlah identiti persatuan kita ini sebagai satu persatuan untuk menuntut hak kita bersama tanpa sebarang niat berkonfrantasi di antara pengeluar dan pembeli bijih timah.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang ingin saya sentuh sehubungan dengan ini ialah masalah penentuan harga bijih timah yang dikeluarkan oleh negara kita dan juga negara-negara yang lain terutama sekali negara-negara yang menjadi Persatuan Pengeluar Bijih Timah. Sehingga hari ini dan telah bertahun-tahun lamanya harga timah yang dikeluarkan oleh negara kita dan negara-negara pengeluar yang lain adalah ditentukan di Pasaran Logam London. Penentuan harga ini lebih condong kepada kepentingan negara-negara pembeli dan kerap kali kita terdedah dengan tindak-tanduk yang boleh merugikan kita. Soalan pokok yang ingin saya bangkitkan di sini ialah berapa lamakah kita mesti biarkan perkara ini berlaku dan berterusan. Adakah ianya mesti dibiarkan untuk selama-lamanya. Saya fikir sudahlah sampai masanya kita sendiri mengambil alih tugas untuk menentukan harga timah

ini oleh kita sendiri ataupun oleh persatuan kita sendiri kerana pada dasarnya kita telah pun ada Bursa Komoditi di Kuala Lumpur. Apakah salahnya kita masukkan timah ke dalam Bursa Komoditi ini? Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberi pertimbangan yang serius berhubung dengan cadangan saya ini demi untuk menjaga harga timah dan juga hasil negara kita dan juga ekonomi negara kita di masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, perkara akhir sekali yang ingin saya sentuh dengan ringkasnya di sini ialah mengenai MMC—Malaysian Mining Corporation. Adalah difahamkan bahawa MMC adalah satu-satunya badan yang terbesar di rantau ini di dalam industri bijih timah di mana PNB—Perbadanan Nasional Berhad mempunyai saham yang besar di dalamnya. Dengan lain perkataan kepentingan bumiputera juga besar di dalamnya. Banyak kegiatan perlombongan dijalankan oleh MMC ini terutama sekali di negeri Kelantan, dan juga Pahang iaitu di kawasan tengah atau central belt. Di samping itu MMC ini juga telah difahamkan membuat pelaburan yang besar di tempat-tempat lain.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pelaburan yang dibuat oleh MMC ini benar-benar boleh mendatangkan keuntungan dan segala pelaburan yang dibuat hendaklah betul-betul dikawal dan mengikut saluran-saluran yang dibenarkan ataupun saluran-saluran yang sah agar kepentingan bumiputera di dalamnya terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, Peristiwa yang berlaku terhadap BMF diharapkan janganlah pula berlaku kepada MMC. janganlah pula pisang berbuah dua kali, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi saya rasa itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan dengan ini saya mohon menyokong.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Yang Berhormat dari Ulu Muda.

5.11 ptg.

**Tuan Othman bin Abdul (Ulu Muda):** Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengambil masa hanya beberapa minit bagi membincang dan membahaskan Akta untuk meminda Ordinan Kawalan Timah 1954. Untuk mengecilkan skop perbahasan ini untuk melihat beberapa segi di dalam usaha untuk mencegah penyeludupan dan juga pengelakan cukai yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama tadi.

Setelah saya melihat angka-angka yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai pertambahan jumlah kilogram bijih timah yang telah diseludupkan ke luar negeri, saya dapati pertambahannya adalah amat tinggi.

Dalam tahun 1982 kita dapati 73,859 kg. telah diseludup. Dalam tahun 1983 jumlahnya meningkat lagi iaitu sebanyak 135,150.42 kilogram telah pun diseludup ke negara-negara luar terutamanya ke negara jiran kita Singapura.

Saya memandangkan ada dua perkara keuntungan yang diperolehi oleh penyeludup-penyeludup bijih timah ini.

Pertamanya, mereka boleh mengelak cukai yang perlu dibayar kepada Kerajaan. Yang kedua, keuntungan yang diperolehi oleh mereka ialah dengan harga yang lebih tinggi yang ditawarkan kepada mereka oleh pasaran bijih timah di luar negeri.

Saya mengucapkan tahniah di atas beberapa kejayaan yang telah pun dicapai oleh pihak Kastam dalam mencegah penyeludupan ini. Walaupun begitu saya mempunyai beberapa cadangan untuk penguatkuasaan ini supaya dapat dijalankan dengan sempurna oleh pihak Kastam. Pada pandangan saya akan memberikan satu jalan yang agak sesuai.

(4) *Meminda Seksyen 4, Ordinan Kawalan Timah, 1954 dengan menggantikan perkataan "Ketua Merinyu Galian" dengan perkataan "Ketua Pengarah Kastam dan Eksais"*

Tujuan meminda Seksyen 4 Ordinan ini adalah untuk memastikan bahawa bidangkuasa yang diperturunkan kepada sesuatu Agensi Penguatkuasa atau seseorang pegawai; dalam hubungan ini, Ketua Pengarah Kastam, mempunyai jentera pentadbiran atau keupayaan yang siap sedia untuk menjalankan penguatkuasaan yang tersebut secara maksima dan berkesan sebaik sahaja ianya diluluskan oleh Kerajaan. Di dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, cadangan pemberian hadiah kepada "informer" dengan izin, ataupun yang memberitahu, di bawah seksyen 4 Ordinan ini oleh Ketua Pengarah Kastam adalah lebih bermanfaat memandangkan jentera pentadbiran Jabatan Kastam terbukti lebih berupaya dan bersedia untuk menjalankan penguatkuasaan yang berkaitan dengan seksyen tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang yang dibentangkan ini yang bertujuan bagi meminda Ordinan Kawalan Timah, 1954 adalah merupakan suatu langkah untuk menjadikan Ordinan Kawalan Timah tersebut sebagai suatu undang-undang yang pragmatik serta bersesuaian penguatkuasaannya dengan kehendak semasa khususnya di dalam bidang perlombongan dan perdagangan timah. Di dalam hal yang demikian cadangan kepada Ordinan Kawalan Timah, 1954 ini sekiranya diluluskan akan membolehkan Menteri yang bertanggungjawab melaksanakan dasar-dasar yang berkaitan dengan perlombongan dan perdagangan timah demi untuk kepentingan negara dan juga Perjanjian Timah Antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya pindaan seperti yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang ini, bolehlah Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab membuat Peraturan-peraturan Kawalan Timah (Pemindahan Bijih Padat Timah) tahun 1984 yang telah dirancang untuk dikuatkuasakan segera bagi menggantikan Peraturan Tahun 1977 yang sedia ada. Peraturan-peraturan Kawalan Timah (Pemindahan Bijih Padat Timah) tahun 1984 tersebut adalah berasaskan kepada pengalaman selama 6 tahun yang telah diperolehi sepanjang tempoh penguatkuasaan Peraturan Tahun 1977 yang tersebut. Di antara ciri-ciri utama Peraturan Tahun 1984 adalah seperti berikut:

- (i) memiliki, menyimpan dan mengawal bijih timah tanpa permit yang sah adalah suatu kesalahan undang-undang;
- (ii) syarat-syarat yang lebih ketat dikenakan ke atas seseorang yang terlibat di dalam pergerakan dan penghantaran bijih timah di luar kawasan yang ditetapkan;
- (iii) pegawai-pegawai Penguatkuasa semasa menahan dan menggeledah pengangkutan yang disyaki diberi kuasa yang luas untuk menggeledah;
- (iv) peruntukan yang membolehkan pengambilan contoh-contoh bijih timah;
- (v) kuasa untuk mendapatkan maklumat;
- (vi) hukuman denda yang khusus ke atas satu kesalahan;
- (vii) hukuman denda bagi kesalahan melanggar syarat-syarat yang berhubung dengan pergerakan dan pemilihan bijih padat timah telah ditambah dari \$500 kepada \$50,000 dan tempoh hukuman penjara dari 6 bulan kepada 2 tahun;
- (viii) peruntukan khas bagi merampas dan mendenda; dan

(ix) nama dan nombor kad pengenalan tuan punya kenderaan, pemandu dan juga kalendaan akan dicatat di dalam permit untuk memudahkan pihak Kerajaan mengesan dan mengambil tindakan yang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menaruh keyakinan terhadap keupayaan, kebolehan dan kegigihan para Pegawai Penguatkuasa yang diberi kuasa di bawah Ordinan ini bahawa mereka dengan perbekalan kuasa yang lebih luas sepertimana yang diperuntukkan di dalam Undang-undang ini akan dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan lebih berkesan dan teratur di dalam memben-teraskan segala rupa bentuk penye- ludupan serta segala aktiviti-aktiviti yang boleh membawa kepada penye- ludupan bijih timah dan bijih padat timah di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang di-pertua, saya mohon menyokong.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ini di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Kawalan Timah 1954 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

5.02 ptg.

**Tuan Ismail bin Said (Kemaman):** Tuan Yang di-Pertua, di dalam menyokong Akta Pindaan Ordinan Kawalan Timah, 1954 ini, saya terlebih dahulu ingin mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri yang dengan cara mengadakan peraturan-peraturan tertentu sebagaimana yang terdapat di dalam Rang Undang-undang ini telah menunjukkan perhatian yang lebih berat terhadap penyeludupan bijih timah dari negara kita yang berlaku dengan

begitu berleluasa sekali atau berlaku tanpa kawalan yang ketat di masa-masa yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, kegiatan menyeludup bijih timah bukan sahaja Kerajaan kita yang rugi dari segi kutipan duti eksport tetapi juga boleh menjejaskan harga pasaran tempatan bijih timah di mana bijih-bijih yang diseludup ini dapat dijual dengan harga yang lebih murah daripada bijih yang dijual melalui saluran yang dibenarkan oleh undang-undang dan juga peraturan. Perbuatan ini juga telah memberi peluang kepada orang lain meraub keuntungan yang lebih besar terutama sekali mereka yang bersubahat. Orang-orang yang bersubahat ini bolehlah kita anggapkan sebagai pengkhianat kepada ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dengan adanya peruntukan-peruntukan yang dimasukkan ke dalam Rang Undang-undang Pindaan ini bermakna kuasa yang lebih luas, lebih jelas dan lebih tegas diberi kepada Menteri, adalah diharap bahawa kegiatan menyeludup ini dapat dikawal dan diban-teraskan demi untuk menjaga kepentingan industri timah di negara kita pada keseluruhannya dan juga demi untuk menjaga credibility negara kita sebagai salah seorang anggota Per-satuan Negara-negara Pengeluar Bijih Timah.

Pertamanya, jika sekiranya Kerajaan boleh mengarahkan Pegawai-pegawai Kastam ini untuk menjaga butir-butir keluar masuk bagi kilang-kilang perusahaan yang perlu membayar cukai mengapakah tidak boleh pihak Kerajaan menempatkan Pegawai-pegawai Kastam ini pada lombong-lombong bijih timah bagi mengawal perolehan bijih yang diperolehi itu supaya bolehlah dicatatkan jumlah yang dikeluarkan pada suatu hari dan direkodkan. Dengan ini kita boleh menyemak dari masa kesemasa jumlah yang diperolehi jika sekiranya berlaku kekurangan hasil bijih itu maka kita boleh bertanya ke manakah pergi yang baki itu.

Jadi soalan yang kedua yang disebutkan tadi dengan alasan pemindahan bijih-bijih ini dibawa. Jika sekiranya pihak Kerajaan boleh menetapkan seperti contoh LPN yang memberikan kelulusan pemindahan padi dari sebuah negeri ke sebuah negeri, ini juga saya rasa boleh menjadikan suatu contoh oleh Kementerian untuk memberi kelulusan kepada orang-orang yang ingin memindahkan bijih timah ini perlulah mendapat kelulusan terlebih dahulu. Surat kelulusan itu perlulah diperolehi daripada pihak Kerajaan dengan jumlah kuantiti yang dibawa supaya bila ada sekatan jalan raya mereka ini boleh memberi atau menunjukkan butir-butir bahawa mereka ini mempunyai kelulusan yang sah daripada pihak Kerajaan.

Di dalam Fasal 3 saya menyentuh Fasal 3 berkenaan dengan Seksyen 3 di dalam Ordinan ini iaitu tentang memberi kuasa kepada Pegawai-pegawai Penguatkuasa untuk menggeledah, mensita, menangkap dan lain-lain lagi dan termasuklah sekatan-sekatan yang akan dibuat.

Saya hendak memberi pandangan supaya di dalam perkara ini tidak akan berlaku beberapa kesalahan yang boleh dilakukan oleh Kerajaan sendiri. Misalnya, segala perbuatan dan tingkah laku di dalam menjalankan tugas-tugas ini, kita tidak boleh dicabar di mahkamah. Dan bila dicabar, kita perlu dan kita yakin kita boleh terjaya di dalam satu-satu kes itu.

Dengan itu penggubalan undang-undang ini mestilah berpandu kepada Kanun Acara Jenayah, misalnya, kepada Akta Keterangan 1950 bagi membolehkan seseorang itu menjalankan tugas dilindungi oleh peruntukan-peruntukan khas supaya kita tidak boleh didakwa di mahkamah, kerana ada terjadi beberapa kes lain di dalam perkara-perkara yang lain, misalnya, di dalam pergaduhan tanah dan sebagainya telah dicabar dan didapati Kerajaan telah kalah di dalam perbicaraan. Ini menunjukkan bahawa

kita tidak mempunyai suatu undang-undang yang begitu baik dan langkap yang dapat melindungi pegawai-pegawai Kerajaan di dalam menjalankan tugas.

Perkara yang seterusnya yang disebutkan tadi oleh Timbalan Menteri tadi tentang hukuman yang mungkin dan yang boleh dikenakan setelah undang-undang diluluskan iaitu sesiapa sahaja yang didapati menyimpan bahan timah ini boleh didakwa, ditangkap.

Saya hendak meminta kepada Kerajaan supaya dapat menetapkan jumlah kuantitinya—berapa tahl, berapa gram, berapa kilogram yang boleh didakwa. Kalau misalnya orang itu boleh menyimpan satu ketul timah yang kecil adalah perlu dia didakwa di mahkamah. Jadi kita mestilah menetapkan kuantitinya beberapa kilogram atau jumlahnya.

Satu hal yang saya nampak beberapa kejadian yang telah berlaku, beberapa tangkapan yang telah dibuat, yang ditangkap ialah pemandu-pemandu lori, kelendan-kelendan lori, dan lori telah pun ditahan. Yang dihukum ialah pemandu dan kelendan.

Saya yakin di dalam perkara ini bahawa suatu kumpulan yang organize, dengan izin, itu sebelum penyeludupan ini mesti wujud dan Kerajaan mestilah mencari kumpulan ini supaya kalau dalam keadaan biasa misalnya kita contoh satu ekor ular sawa yang panjang yang kita potong ekornya, kepalanya masih hidup. Sekarang ini kita mesti bunuh kepala itu dahulu barulah ekornya tidak bergerak. Jadi kalau sekiranya kita hanya dapat menangkap pemandu lori, kelendan lori dan seterusnya mendakwa mereka itu, wajarnya itu memang ada kerana mereka itu telah bersubhat. Tetapi orang yang besar di sebalik pemindahan ini mestilah diambil kira, mestilah dicari oleh penguatkuasa seperti Kastam dan juga lain-lain kakitangan Kerajaan yang ditugaskan untuk menjalankan usaha ini mestilah diberi kuasa, diberi tugas-tugas yang lebih banyak supaya mereka ini dapat

menjalankan tugas bagi membongkar kumpulan-kumpulan yang saya yakin boleh wujud di Singapura misalnya, Kuala Lumpur dan di Ipoh. Boleh jadi mereka ini akan menempatkan, akan duduk dan tinggal dan merancang penyeludupan-penyeludupan bijih timah ini yang mana ianya akan membawa kerugian terutamanya kepada negara yakni kerugian yang boleh ditaksirkan dalam dua bentuk yang saya namapak. Yang pertama, royalti kepada Kerajaan Negeri tidak boleh ditipu. Yang keduanya, sudah semestinya cukai dibayar kepada Kerajaan.

Yang terakhir sekali saya hendak mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian yang akan memberikan kuasa kepada Ketua Pengarah Kastam dan Eksais Di Raja dalam usaha untuk memberikan hadiah kepada informer. Ini boleh jadi akan menimbulkan, akan menarik hati orang-orang yang mungkin mengetahui, yang mempunyai maklumat-maklumat penting tentang penyeludupan, tentang penyimpanan bahan timah itu. Jadi dengan itu, saya rasa orang-orang ini akan tampil ke hadapan bagi membantu Kerajaan di dalam usaha ini dan sudah pastilah percakapannya itu boleh dijadikan sebagai keterangan (evidence), jika sekiranya kita dapat menangkap kumpulan orang ataupun orang-orang yang mungkin melakukan kesalahan di dalam usaha untuk menyeludup ataupun mengelakkan cukai ini.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Akta untuk meminda Ordinan Kawalan Timah 1954.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.23 ptg.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil peluang berbahas di atas Rang Undang-undang yang dibentangkan di sidang ini pada hari ini dan insya Allah segala pandangan itu akan

menjadi satu ilham dan memberi inspirasi kepada saya dan pihak Kementerian saya untuk mengorak langkah, dan mengambil tindakan-tindakan yang berkesan terhadap masalah-masalah yang telah disebutkan itu yang ada kena-mengena dengan industri perlombongan timah di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kemaman dan sama juga dengan Yang Berhormat dari Ulu Muda menyentuh mengenai penyeludupan dan ucapan terima kasih dan syabas mereka kepada Kementerian saya atas usaha yang dibuat oleh Kementerian. Memanglah salah satu daripada sebab mengapa Rang Undang-undang ini dibentangkan di sidang ini adalah bertujuan untuk menentukan supaya aktiviti penyeludupan terhadap bijih timah atau bijih padat timah ini akan dapat kita benteras secara maksimum walaupun tidak boleh secara keseluruhan (absolute) kerana dua perkara.

Pertama ialah untuk menentukan supaya mereka yang hanya bertindak semata-mata untuk kepentingan mereka sendiri ini, untuk memenuhi poket mereka sendiri, akan dapat kita benteras kerana mengelakkan daripada pembayaran cukai, dengan membawa kerugian terhadap negara dan secara tidak langsung akan membawa kepada berkurangnya perbelanjaan yang boleh disalurkan kepada pembangunan negara dan tempat-tempat di luar bandar dan sebagainya.

Yang kedua, kita ini ialah salah sebuah anggota Majlis Perjanjian Timah Antarabangsa dan kita telah memeterikan secara provisi Perjanjian Timah Antarabangsa dalam tahun 1983. Kita juga mengesyorkan kepada Ahli-ahli Majlis Timah Antarabangsa lain supaya memeterikan secara absolute perjanjian ini dalam tahun 1984 ini. Sebagai ahli yang patuh kepada apa yang telah diputuskan oleh Majlis Timah Antarabangsa adalah menjadi tanggungjawab kita untuk menentukan supaya arahan pengawalan eksport (export control) terhadap bijih timah akan kita laksanakan dengan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu sebab mengapa kawalan eksport ini tidak dapat berjalan dengan lancar dan licin ialah berlakunya aktiviti penyeludupan. Tindakan kita untuk membentangkan Rang Undang-undang ini ialah supaya aktiviti penyeludupan akan dapat kita benteras di peringkat nasional, regional, bilateral dengan negara-negara pengeluar yang lain dan di peringkat multi-lateral (producers-consumers). Kita menubuh Pertubuhan Pengeluaran Timah Antarabangsa yang dalam forum kita membincangkan cara-cara bagaimana kita boleh membenteras aktiviti ini dan di peringkat antarabangsa pun kita sebagai pengeluar telah menyuarakan kepada Majlis Timah Antarabangsa dan Majlis Timah Antarabangsa telah menggesa Pasaran Logam London (LME) untuk tidak mendaftarkan salah sebuah daripada syarikat-syarikat ataupun kompeni yang melebur timah di Singapura atau ianya dikeluarkan daripada daftar senarai syarikat-syarikat di LME. Ini usaha kita, tetapi setakat ini pihak LME belum lagi mengambil tindakan yang positif terhadap apa yang dikehendaki oleh kita itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kemaman juga telah menyentuh mengenai soal cartel iaitu soal kita mestilah berjaga-jaga supaya tertubuhnya ATPC ataupun Penubuhan Pengeluaran Timah Antarabangsa ini tidak akan dianggap oleh negara-negara pembeli bijih timah sebagai satu tindakan cartel, dengan izin, sebab saya hendak cari perkataan Bahasa Malaysia yang sesuai susah, jadi Ahli Yang Berhormat keseluruhannya saya fikir tahu apa cartel itu. Memanglah kita telah berkali-kali menjelaskan kepada pihak pembeli terutama sekali pihak negara-negara membangun bahawa tujuan kita menubuhkan persatuan ini bukanlah untuk bertindak sebagai cartel ataupun sebagaimana yang dilakukan oleh OPEC. Kita bertindak ialah untuk menentukan supaya kepentingan pengeluar-pengeluar bijih timah akan terjaga. Hak keistimewaan kita sebagai pengeluar terjaga dan supaya harga bijih timah di pasaran

dunia ini tidak akan hanya menguntungkan pihak pembeli, tetapi akan menguntungkan juga pihak kita iaitu pengeluar.

Sebagaimana yang kita sedia maklum kita mengambil berat soal harga ini, sebab kita menganggap apa yang kita jual mesti menguntungkan kita, kalau tidak kita bolehlah dianggap sebagai mengambil bijih timah dari perut bumi dan mencampaknya ke laut, sebab bijih timah ialah sumber alam atau hasil-mahsyul perut bumi yang diberi oleh Allah s.w.t kepada kita, yang tidak dapat dicari ganti, dapatpun adalah dalam masa berjuta-juta tahun dalam proses pemendahan dan sebagainya. Dan kita bertindak supaya harga ini akan dapat menguntungkan kita ataupun setidaknya-tidaknya "remunerative to the producers".

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kemaman juga menyentuh mengenai kita pengeluar menentukan paras harga untuk kita sendiri. Memang inilah tujuan Kerajaan. Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama sekarang berada di London telah pergi ke Indonesia, pergi ke Negeri Thai untuk menerangkan, menjelaskan kehendak kita untuk mengintegrasikan pasaran timah ini di Pasaran dan Bursa Komoditi Kuala Lumpur.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, yang sudah juga disentuh semalam dan beberapa hari yang lepas oleh beberapa orang, termasuk ahli-ahli Pembangkang menyentuh mengenai apa yang timbul di Bursa Komoditi Kuala Lumpur. Sebenarnya pada hari itu kebetulan Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama mengeluarkan kenyataan yang komprehensif, yang penuh dengan detail-detail, jadi sebab itulah saya biarkan sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Lagipun, kita telah mengambil tindakan-tindakan untuk menentukan supaya Bursa Komoditi Kuala Lumpur itu berjalan dengan baik, selama ini sedang dijalankan dan di masa akan datang kita sentiasa mengkaji kelemahan-kelemahan yang ada, mengambil tindakan supaya pasaran hadapan Kuala Lumpur itu

tidak akan terjejas dan supaya imejnya juga tidak akan terjejas supaya negara kita akan dapat dijadikan pusat menentukan paras harga komoditi di seluruh dunia ini.

Sebagaimana yang disarankan oleh Yang Berhormat dari Kemaman tadi memanglah kita berhajat hendak mengintegrasikan pasaran timah ini di Pasaran Komoditi Kuala Lumpur supaya kita sebagai pengeluar yang terbesar dan supaya Negara-negara ASEAN, iaitu negara-negara terangkum dalam satu golongan pengeluar bijih timah yang terbesar akan dapat keistimewaan menentukan paras harga bagi komoditi yang kita hasilkan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kemaman juga telah menyentuh soal MMC. Memanglah MMC sebuah syarikat perlombongan bijih timah yang terbesar di rantau ini dan di dunia dan banyak pelaburan yang telah dijalankan. Saya rasa setakat ini mereka telah berjalan dengan baik, dengan memuaskan dan harapan kita ialah supaya perjalanannya akan sentiasa baik, berkesan dan akan dapat membawa keuntungan kepada khususnya golongan Bumi-putera yang melabur di dalam organisasi ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Ulu Muda telah menyentuh beberapa perkara. Pertama disentuhnya ialah mengenai penyeludupan yang telah saya jelaskan dengan panjang lebar dan cadangan yang diberi oleh beliau supaya ditempatkan Pegawai Penguatkuasa di kawasan lombong dan juga dicadangkan oleh beliau "quantity" bijih timah yang diambil kira dalam menentukan tindakan diambil oleh mahkamah ini mesti ditentukan.

Saya rasa di samping Rang Undang-undang yang kita bentangkan di sini, Rang Undang-undang Ordinan yang dahulu pun telah menyentuh perkara ini bilamana pengawalan ketat diambil terhadap mereka yang terlibat. Saya rasa setelah saya membaca ciri-ciri utama peraturan tahun 1984 Ordinan

ini, tadi saya rasa itu merangkumi semua tindakan yang akan dapat mengawal segala aktiviti yang tidak baik mengenai bijih timah ini. Jadi misal kata, sebagaimana saya kata tadi Yang Berhormat telah menyentuh mengenai yang ditangkap, kata beliau, ialah pemandunya sahaja, bukan yang punya kereta. Dalam Rang Undang-undang ini, pindaan yang kita cadangkan sememangnya kita mengambil kira soal itu, kita mengambil kira bukan hanya soal pemandu itu harus kita mengambil tindakan terhadapnya tetapi orang yang punya kereta pun kita ambil tindakan terhadapnya kerana kalau kita ambil tindakan ke atas pemandu sahaja, yang punya kereta tak diambil, maka mungkin ini boleh dianggap sebagai satu kelemahan dan ketidakcekapan dalam kita melaksanakan urusan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya syorkan kepada Ahli Yang Berhormat supaya selepas ini teliti sedikit, kalau tak banyak, apa yang terkandung dalam ucapan saya ini supaya dapat jelas lagi walaupun mungkin apa yang disarankan tidak masuk dalam ini, kalau tidak masuk itu di masa akan datang, insya Allah akan dimasukkan.

Saya rasa itu sahajalah apa yang boleh saya perkatakan dan moga-moga hasrat kita untuk menjadikan Rang Undang-undang ini sebagai satu langkah untuk membanteras aktiviti yang tidak sihat dalam industri perlombongan akan dapat tercapai.

Sekali lagi saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi berusaha payah mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Rang Undang-undang yang dibentang di sidang ini.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan, Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh *mempengerusikan Jawatankuasa*).

*Fasal 1 hingga 4* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG TELEKOMUNIKASI (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.40 ptg.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Telekomunikasi 1950 dibaca bagi kali kedua sekarang.

Pindaan Rang Undang-undang ini adalah untuk mengadakan, dengan izin, enabling provision dibuat dengan tujuan untuk meminda seksyen 40 dan juga seksyen 42 Akta Telekomunikasi 1950 untuk memberi kuasa kepada Menteri menetapkan sebagai tambahan kepada bayaran lesen yang telah ditetapkan sewa atau royalty atau bayaran lain yang difikirkan menasabah yang kena dibayar oleh pemegang lesen di atas pemberian mana-mana lesen. Fasal 3 itu ialah bertujuan meminda seksyen 42 untuk mengelakkan apa-apa ambiguity yang mungkin timbul dari sub-seksyen (2) hasil dari pindaan-pindaan yang dibuat kepada seksyen 40 itu.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan berpendapat memang wajar jika pemegang-pemegang lesen yang menjalankan perkhidmatan bersabit dengan Akta Telekomunikasi 1950 bukan

sahaja membayar bayaran untuk mendapatkan lesen tetapi juga untuk membuat bayaran yang lain yang difikirkan menasabah. Sebagai contoh kita telah mengenakan bayaran lesen kepada pihak swasta yang akan mengendalikan TV Perdagangan dan kita berpendapat bahawa pihak tertentu itu perlu juga membayar royalty kepada Kerajaan bersabit dengan mereka menayakan iklan-iklan. Begitu juga halnya jika sekiranya mana-mana pihak swasta lain yang mungkin ingin menjalankan perkhidmatan-perkhidmatan sampingan lain telekomunikasi. Adalah menjadi dasar Kerajaan dalam menggalakkan pihak swasta bersaing dalam mengendalikan perkhidmatan bersabit dengan perkhidmatan di bawah Akta Telekomunikasi 1950 Kerajaan juga mengenakan apa-apa bayaran yang perlu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Telekomunikasi 1980 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Parit.

*5.44 ptg.*

**Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis (Parit):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos yang telah membawa Rang Undang-undang iaitu satu Akta untuk meminda Akta Telekomunikasi 1950 dan saya memberikan sokongan yang kuat dan secara tulus ikhlas kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah kita dengar daripada Yang Berhormat Menteri yang telah pun membentangkan Rang Undang-undang sebentar tadi bahawa tujuan Rang

Undang-undang ini dipinda ialah untuk menentukan bayaran tambahan untuk pemegang-pemegang lesen perdagangan dan tiap-tiap badan swasta yang terlibat dengannya juga adalah sepatutnya memberikan bayaran royalti kepada pihak Kerajaan. Maka di sini sudah tentulah satu perkara yang boleh memberikan tambahan pendapatan kepada pihak Kerajaan di dalam bidang ini kerana kita tahu bahawa pihak swasta yang telah memainkan peranan ataupun yang telah menggunakan alat-alat telekomunikasi ini dalam mengiklankan perniagaan mereka sudah tentulah mereka mendapat keuntungan yang banyak dalam usaha mereka itu. Maka sudah tentulah pihak yang tersebut memberi sedikit sumbangan tambahan kepada pihak Kerajaan daripada keuntungan perniagaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pindaan sub-seksyen (1), seksyen 40 Akta Telekomunikasi ini sudah tentulah memberikan satu pembaharuan kepada pentadbiran dan penyusunan Kementerian, maka saya percaya ini akan membolehkan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos memberikan khidmat yang lebih memuaskan kepada seluruh rakyat di dalam negeri ini. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan haruslah berhati-hati di dalam tindakannya untuk melaksanakan Akta ini nanti setelah diluluskan kerana biasanya apabila sesuatu Akta kenaikan bayaran lesen, fees, royalty ataupun lain-lain bayaran yang dikenakan seperti sewa dan sebagainya ini akan melibatkan bukan sahaja badan-badan swasta tetapi juga akan terlibat sama rakyat jelata. Perkara ini saya timbulkan oleh kerana alat-alat telekomunikasi ini adalah digunakan oleh seluruh rakyat tak kira rakyat yang berpendapatan mewah, rakyat yang berpendapatan sederhana dan rakyat yang berpendapatan rendah.

Oleh kerana kemudahan-kemudahan ini bukan sahaja ingin digunakan oleh mereka yang berpendapatan mewah, tetapi rakyat jelata yang miskin juga turut bersama-sama menggunakannya sedangkan sewa, lesen, bayaran dan sebagainya dikenakan dengan bayaran

yang sama. Oleh yang demikian maka di sini saya memberi sedikit pandangan supaya pihak Kerajaan dapat meminibangkan bentuk-bentuk sewa, bentuk-bentuk lesen yang dikenakan kepada alat-alat telekomunikasi berdasarkan kedudukan. Misalnya kawasan-kawasan bandar berlainan dengan kawasan-kawasan desa oleh kerana kemudahan ini bagi penduduk-penduduk bandar adalah lebih terjamin lebih istimewa layanan dan juga perkhidmatannya dari penduduk-penduduk luar bandar. Misalnya kalau alat penyiaran radio dan TV, kalau berlaku kerosakan di kawasan bandar maka dengan mudah dapat diperbaiki dan dapat segera digunakan semula oleh penduduk-penduduk di bandar, tetapi bagi penduduk-penduduk luar bandar kalau berlaku kerosakan sudah tentulah akan menunggu masa yang lama, tempoh yang lama untuk mendapatkan perkhidmatannya semula tetapi bayaran yang dikenakan seperti lesen radio, TV dan sebagainya adalah sama.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga tingkatan atau kategori bayaran bagi alat-alat ini dalam bentuk TV, radio dan alat-alat video Pembayaran lesen TV misalnya dikenakan \$24 setahun bagi seluruh pengguna tidak kira dia menggunakan TV yang besarnya 26 inci, 24 inci, 22 inci atau 20 inci dan sebagainya. Maka saya mencadangkan supaya ditentukan mengikut sukatan besar kecilnya. Kalau besar alat yang digunakan kepada yang besar, seperti juga yang kita laksanakan berkenaan dengan lesen kenderaan. Besar kenderaannya, besar lesennya; kecil c.nya, kecil bayarannya. Maka di sini sudah tentulah pengguna-pengguna dari golongan rendah yang hanya mampu membeli alat-alat TV dan radio yang kecil akan dikenakan bayaran yang lebih rendah daripada alat-alat yang digunakan oleh orang-orang yang berpendapatan mewah.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga satu alat telekomunikasi juga iaitu alat video. Alat ini pada masa sekarang ini merupakan satu alat atau satu benda yang begitu diminati oleh

seluruh rakyat sehinggakan kadang-kadang lebih banyak orang-orang yang suka menonton tayangan video daripada TV.

Oleh yang demikian alat hiburan seperti ini ataupun alat telekomunikasi juga dalam bentuk hiburan hanya mampu dibeli oleh orang-orang yang berpendapatan mewah, oleh orang yang berada sedangkan orang-orang yang miskin tidak mampu menggunakannya.

Maka alat ini tidak dikenakan apa-apa bayaran selain daripada harga membelinya. Maka di sini saya mencadangkan supaya alat video ini juga dikenakan lesen yang berasingan daripada TV dan radio.

Tuan Yang di-Pertua, buat akhirnya saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian ini dan semoga apa yang telah dihasratkan oleh Kementerian akan dapat dilaksanakan dengan sebaiknya dan akan dapat memberikan banyak faedah kepada seluruh negara dan rakyat. Sekian, terima kasih.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Saya menjemput Yang Berhormat Menteri menjawab dan menggulung.

*5.52 ptg.*

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberi terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Parit yang telah menyuarakan pandangan beliau terhadap perkhidmatan-perkhidmatan yang dikendalikan lebih-lebih lagi bersabit dengan perkhidmatan hiburan televisyen dan sebagainya.

Jadi, saya tidak bercadang untuk menghuraikan jawapan satu persatu, cuma sebagai menjawab secara ringkas, saya suka menyatakan bahawa memang sentiasa Kerajaan mengambil kira kedudukan pengguna-pengguna dan rakyat-rakyat negara kita ini sebelum menetapkan angka-angka atau harga-harga yang patut dikenakan kepada bayaran yang tertentu.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bersabit dengan pelaksanaan rancangan televisyen ketiga sekarang, Kerajaan tidak bercadang untuk mengenakan bayaran tambahan kepada lesen pita-pita TV itu, oleh kerana kita menyedari bahawa kalaulah bayaran itu diubah atau ditingkatkan dari apa yang ada sekarang, itu sudah tentu akan menjejaskan kedudukan orang-orang atau rakyat-rakyat yang melihat TV di negara kita ini.

Oleh itu Kerajaan berpendapat patut dan menasabah kita mengenakan bayaran kepada asasnya ialah kepada pemegang lesen itu sendiri dan itu tidak ada bersabit dan tidak ada menyentuh kedudukan rakyat-rakyat yang melihat TV.

Pada asasnya dan pada khususnya inilah satu perkara di mana tujuan pindaan ini dibuat untuk menentukan pihak swasta yang mengendalikan perkhidmatan TV perdagangan ini tentu akan dan perlu membayarkan bayaran royalty yang menasabah kepada Kerajaan. Jadi itu sahajalah penjelasan yang saya suka berikan dan dengan itu terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 3* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### **RANG UNDANG-UNDANG TABUNG PERTAHANAN NEGARA (PEMBUBARAN DAN PEMINDAHAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.57 ptg.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta bagi membubarkan Tabung Pertahanan Negara dan bagi memindahkan semua harta dan tanggungannya kepada Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara dan untuk membuat peruntukan bagi perkara-perkara yang bersampingan kepadanya atau berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Akta Tabung Pertahanan Negara (Pembubaran dan Pemindahan) tahun 1984 adalah bertujuan untuk membubarkan Tabung Pertahanan Negara dan memindahkan semua harta dan tanggungannya kepada Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara, dan untuk membuat peruntukan bagi perkara-perkara yang bersamping kepadanya atau berkaitan dengannya dengan tujuan percantuman di antara kedua-dua Tabung itu.

Kemudiannya tindakan susulan secara pentadbiran akan diambil untuk pihak Pemegang Amanah Raya yang menguruskan Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara untuk menyatukan kedua-dua Tabung itu dan tabung yang baharu itu akan dinamakan Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, Tabung Pertahanan Negara yang telah dilancarkan oleh Kerajaan pada bulan Oktober tahun 1964 adalah bertujuan untuk membantu Kerajaan dalam pertahanan negara semasa konfrantasi dahulu. Mengikut arahan Amanah

yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia, wang yang diperuntukkan dalam Tabung ini hendaklah digunakan untuk tujuan tersebut.

Tujuan ini merupakan tujuan yang berterusan tanpa sebarang kemungkinan yang Tabung ini perlu ditutup dan dicantumkan dengan lain-lain Tabung.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Tabung Pertahanan Negara kini telah didapati melewati objektif asalnya dan mempunyai objektif yang sama dengan Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara yang dikendalikan oleh pihak Pemegang Amanah Raya iaitu memberi bantuan kepada anggota-anggota pasukan keselamatan yang tercedera atau ahli-ahli keluarga mereka yang terkorban dalam operasi keselamatan, maka Kerajaan telah memikirkan adalah wajar Tabung Pertahanan Negara itu ditutup dan segala harta serta liabilitinya dipindahkan kepada Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara.

Bagi tujuan ini maka kelulusan Dewan yang mulia ini adalah diperlukan.

Memandangkan Tabung Pertahanan Negara ini adalah dikendalikan di dalam Kumpulan Wang Yang Disatukan sementara Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara pula diuruskan di luar dari Kumpulan Wang Yang Disatukan. Sehingga 4hb Februari, 1984 jumlah harta Tabung Pertahanan Negara yang telah diaudit yang akan dipindahkan kepada Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara itu ialah sebanyak \$8,425,501.91 sen.

Langkah untuk mengadakan hanya satu tabung yang dikelolakan oleh Kerajaan bagi membantu anggota-anggota Pasukan Keselamatan yang tercedera atau ahli keluarga mereka yang terkorban dalam operasi keselamatan, bukan sahaja melicinkan lagi hal-hal pengurusan malahan akan mengelakkan timbulnya kekeliruan di

kalangan orang ramai dari segi membuat pendermaan sebagai menyahut rayuan Kerajaan. Keadaan kekeliruan ini boleh bertambah memandangkan selain daripada kedua-dua Tabung Pertahanan Negara dan Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara, ada sebuah lagi tabung iaitu Tabung Rayuan Hari Pahlawan.

Biarlah saya jelaskan di sini bahawa Tabung Rayuan Hari Pahlawan itu adalah di bawah anjuran dan kelolaan Persatuan Bekas-bekas Perajurit. Tujuan Tabung ini adalah sama dengan kedua-dua tabung tersebut iaitu memberi bantuan kepada bekas anggota-anggota pasukan keselamatan tetapi bantuan yang diberikan daripada Tabung ini hanyalah khas untuk bekas-bekas perajurit sahaja iaitu tidak termasuk bekas pasukan anggota Polis.

Punca kewangan Tabung ini sedikit-sebanyak juga bergantung kepada sumbangan orang ramai, biasanya menerusi rayuan Hari Pahlawan yang diadakan pada tiap-tiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan objektif ketiga-tiga Tabung ini adalah lebih kurang sama dan kadangkala cara mendapatkan wang untuk mengisi Tabung ini adalah juga menerusi kegiatan-kegiatan yang hampir serupa, maka difikirkan baik dan wajar sekurang-kurangnya kedua-dua Tabung yang dikelolakan oleh Agensi-agensi Kerajaan iaitu Tabung Pertahanan Negara dan Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara digabungkan menjadi satu supaya pengurusannya dapat dijalankan dengan lebih cekap dan sedikit sebanyak ia boleh menolong menghapuskan sebarang kekeliruan dan perasaan bosan di kalangan penderma-penderma kepada Tabung ini.

Tambahan lagi, buat masa ini kedua-dua tabung ini diketuai oleh Pengerusi yang sama iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sungguhpun masing-masing mempunyai Lembaga Pengurus dan Jawatankuasa yang tersendiri tetapi yang penting di sini ialah kedua-duanya mempunyai objektif yang sama.

Jadi langkah untuk menyatukan kedua-dua Tabung ini adalah satu langkah yang wajar. Dengan hanya mempunyai satu Tabung yang dikendalikan oleh Agensi Kerajaan bagi membantu anggota-anggota pasukan keselamatan yang tercedera dan keluarga mereka yang terkorban maka kegiatan untuk menambahkan harta Tabung itu akan dapat dipertingkatkan. Adalah dijangkakan peluang kejayaan dalam semua kegiatan itu akan menjadi lebih cerah berbanding dengan keadaan jika ianya dijalankan secara berasingan.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada pertimbangan serta faktor-faktor yang saya sebutkan tadi, maka keputusan telah dibuat supaya kedua-dua Tabung Pertahanan Negara dan Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara disatukan. Penyatuan kedua-dua Tabung ini tidak akan menimbulkan sebarang masalah dari segi pelaksanaan matlamat asalnya.

Maka ia akan membawa kepada kebaikan juga. Untuk melaksanakan tujuan ini maka Tabung Pertahanan Negara perlulah dibubarkan dan semua harta dan tanggungannya dipindahkan kepada Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara. Oleh itu, Rang Undang-undang bernama Akta Tabung Pertahanan Negara (Pembubaran dan Pemindahan) 1984 ini adalah dibentangkan untuk kelulusan Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membubarkan Tabung Pertahanan Negara dan bagi memindahkan semua harta dan liabilitinya kepada Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara, dan bagi membuat peruntukan

mengenai perkara-perkara yang bersampingan kepadanya atau berkaitan dengannya, dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Jelutong.

*6.07 ptg.*

**Tuan Karpal Singh (Jelutong):** Tuan Speaker, tujuan Rang Undang-undang di hadapan kami ialah pembubaran Tabung Pertahanan Kebangsaan dan pindahmilik semua harta dan tanggungan-tanggungannya kepada Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara. Perbelanjaan bagi pertahanan negara menggunakan sebahagian besar perbelanjaan belanjawan negara kita dan patutlah kita membuat sedemikian, dengan sebab negeri yang tidak mempunyai kuasa pertahanan yang kuat akan menjadi mangsa kepada serangan dari negeri-negeri lain yang mempunyai sikap peperangan dalam zaman sekarang.

Kedudukan Malaysia dalam hal ini adalah penuh dengan bahaya terutamanya Vietnam mahu meluaskan kawasaan pemerintahannya seperti dibuktikan kegiatan-kegiatan negeri itu di Kampuchea. Tidak ada keraguan bahawa Vietnam juga mahu bertindak atas Malaysia. Jika negeri kita tidak awasi dan pengawasan hanya akan datang dari mengadakan suatu angkatan tentera bercorak berbilang kaum yang bersatu-padu, negeri ini akan masuk di bawah pendudukan Vietnam di masa hadapan.

Negeri Siam bukanlah satu "besi penahan" seperti ditunjukkan dalam Perang Dunia Kedua, Jepun dibenarkan melintasi negara jiran kita dan masuk ke negeri kita. Mungkin Vietnam menganggap Malaysia sebagai negeri yang berharga memandangkan kepada kekayaan kita dalam hasil getah asli dan bijih timah.

Tuan Speaker, janganlah Malaysia menolak teori domino yang mungkin menjadi teori benar. Apa yang telah merunsingkan saya dan sedang merunsingkan saya ialah menolak konsep mengadakan suatu angkatan tentera

berbilang kaum. Pertahanan negeri ini adalah tanggungjawab tiap-tiap seorang warganegara negeri ini.

Kerajaan janganlah memandang kaum bukan Bumiputera dengan perasaan wasangka. Warganegara bukan Bumiputera ialah rakyat negeri ini yang sama dengan Bumiputera yang jika terdapatnya serangan dari musuh luar negeri patut mereka bersama-sama menahan musuh itu.

Dalam konteks dan semangat itulah masyarakat bersatu dapat ditempa. Saya ingin mengetahui bilangan peratusan (percentage) bukan Bumiputera dalam Angkatan Tentera. Saya juga ingin mengetahui bilangan pegawai-pegawai tertinggi dalam angkatan tentera.

Apakah sebabnya Kerajaan enggan respond seruan Parti DAP kerap kali kami menyeru untuk mengadakan Kerahan Tenaga bagi perkhidmatan dalam angkatan tentera. Kerahan Tenaga (National Service) bukan sahaja akan menyediakan kita untuk menahan serangan tetapi juga akan mengurangkan masalah dadah yang melibatkan ramai pemuda negara kita. Hanya Perkhidmatan Kebangsaan (National Service) yang akan membentuk suatu semangat nasionalisme yang tulin.

Kita mestilah meniru Singapura dalam hal ini. Singapura ialah satu negara kecil seperti Israel tetapi ada mempunyai . . . . .

**Tuan Haji Dasuki bin Haji Ahmad:**  
(*Bangun*).

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Ahli Yang Berhormat membangkitkan Tertib Mesyuarat atau minta penjelasan?

**Tuan Haji Dasuki bin Haji Ahmad:**  
Saya ingin minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Jelutong.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Ahli Yang Berhormat itupun telah izinkan sebelum diminta lagi.

**Tuan Haji Dasuki bin Haji Ahmad:**  
Saya ingin mendapat penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Jelutong. Saya ingin tahu apakah hubungan National Service sebagaimana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan itu dengan Tabung Pertahanan Negara dan Rang Undang-undang yang dibentangkan di hadapan kita pada petang ini?

**Tuan Karpal Singh:** Tuan Speaker, Tabung kedua-dua ini ada terlibat dalam pertahanan negara ini. Dan perbincangan atas Rang Undang-undang ini bahasan atas dasar, dasar pertahanan negara ini. Oleh kerana itu, dalam fikiran saya, Tuan Speaker, ini ada terlibat. Dan oleh kerana itu saya boleh ucap atas tajuk ini.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Yang Berhormat Ahli dari Tumpat cuma minta penjelasan, tidak membangkitkan tatatertib mesyuarat. Teruskan.

**Tuan Karpal Singh:** Oleh itu, Tuan Speaker, dasar pertahanan apa yang saya berucap tadi ada bersangkutan. Tuan Speaker, apa yang saya cakap tadi, Singapura ialah satu negara kecil seperti Israel tetapi ada mempunyai daya upaya dan kebolehan menahan serangan dari luar. Malaysia dengan angkatan tentera bercorak sekarang tidak bersedia, dalam fikiran saya, Tuan Speaker, ataupun mempunyai kebolehan untuk menahan serangan serentak musuh. Terdapatnya ramai anggota tentera yang mempunyai sikap tidak berdisiplin seperti ditunjuk oleh asykar-asykar terlibat dalam salah guna dadah dan mempunyai tingkah laku buruk dan pelajaran rendah.

Tuan Speaker, pertukaran pegawai-pegawai tertinggi angkatan tentera tidak boleh berbau sahabat politik. Pegawai tertinggi dalam angkatan tentera hendaklah dilantik hanya berprinsip kelayakan, bukan lain-lain perkara. Perlantikan atas dasar naungan ataupun persahabatan politik akan memecah-belah angkatan tentera itu.

Tuan Speaker, kenaikan pangkat dalam angkatan tentera itu tidak boleh diikuti perasaan perkauman. Dengan frustrasi, sikap yang mana akan memburukkan nama harum angkatan tentera itu.

Tuan Speaker, Kerajaan hendak dengan serius menimbang penubuhan Badan Pertahanan Sivil dalam negara kita. Dorongan tidak diberi kepada Pertahanan Sivil yang mana boleh membantu angkatan tentera dengan cara efektif. Tuan Speaker, semenjak kemerdekaan sungguhpun ada pemimpin-pemimpin empat orang Perdana Menteri kita, belum lagi membentuk satu sistem pertahanan yang baik. Ini hanya akan menggalakkan musuh kita. Bukan sahaja Vietnam yang boleh membawa ugutan tentera. Kita jangan lupa apabila pertukaran pimpinan berlaku dalam negeri-negeri jiran ini akan membawa ugutan tentera ke negeri ini seperti bila Presiden Sukarno melancarkan serangan atas Malaysia dalam tahun-tahun enam puluhan. Tuan Speaker, kita jangan tenang. kawan hari ini boleh menjadi musuh hari esok. Ini ialah budibicara dunia selama manusia hidup sebagai manusia. Kekecohan dalam MCA, Tuan Speaker, yang berlaku sekarang mencerminkan kebenaran kenyataan itu . . . . .

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli Yang Berhormat, minta duduk Ahli Yang Berhormat. Sila duduk! Setakat ini saya telah membenarkan Ahli Yang Berhormat berucap menyentuh satu perkara di bawah bidang kuasa dan bidang tanggungjawab Kementerian Pertahanan yang menyelenggarakan perkara di bawah pertimbangan dalam Rang Undang-undang ini. Tetapi saya jangka perkiraan saya, pendapat saya, dan keputusan saya ialah perkara yang berkenaan dengan MCA terkeluar daripada perbahasan di bawah Rang Undang-undang ini.

**Tuan Karpal Singh:** Terima kasih.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Saya berharap Yang Berhormat jangan teruskan.

**Tuan Karpal Singh:** Saya terima, Tuan Speaker, ada keluar sedikit tetapi ada perang dalam MCA baru-baru ini. (*Ketawa*)

Tuan Speaker, Yang Berhormat Timbalan Menteri . . . . .

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Yang Berhormat, tatatertib mesyuarat atau minta penjelasan?

**Tuan Tan Kok Hooi:** Minta jalan.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Yang Berhormat beri jalan?

**Tuan Karpal Singh:** Ya.

**Tuan Tan Kok Hooi:** Tadi Yang Berhormat dari Jelutong sentuh sedikit berkenaan perang dalam MCA. Tetapi itu tidak terlibat dengan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong. Harap jangan timbul perkara ini dalam Dewan yang mulia ini.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Yang Berhormat Ahli dari Jelutong, sila teruskan.

**Tuan Karpal Singh:** Tidak payah timbul barangkali, Tuan Speaker, oleh kerana semua orang-orang tahu apa yang ada berlaku dalam Parti MCA.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Sila teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Karpal Singh:** Tuan Speaker, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan menyatakan dalam minggu lepas, kapal perang Soviet yang menghantar sebuah helicopter ke laut Terengganu tidak ada tujuan buruk dan dengan sebab itu pihak berkuasa Malaysia tidak mengambil apa-apa tindakan yang boleh membawa keadaan buruk antara dua-dua negeri itu. Tuan Speaker, Yang Berhormat Timbalan Menteri itu menyatakan kapal Soviet itu nampak satu signal dalam radar, dengan izin, kapal itu dan menghantar helicopter itu untuk siasat. Tetapi signal itu ialah dari pentas mengkaji minyak letak dalam laut Terengganu. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan tersilap,

Tuan Speaker. Peristiwa tembakan Soviet atas kapal terbang penumpang jet Korea Selatan pada tahun lalu dengan sikap tidak menimbang nyawa manusia termasuk nyawa seorang Malaysia mesti menjadi satu tanda amaran iaitu kekuatan tentera Soviet tidak boleh dipercayai. Soviet Russia berpakat dengan Vietnam dan rancangan bersama mereka. Saya menyeru Majlis Keselamatan Negara mengkaji dengan teliti dan luas peristiwa dekat Terengganu baru-baru ini.

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** (*Bangun*)

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Yang Berhormat Tatatertib Mesyuarat atau penjelasan?

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Tatatertib Mesyuarat, Standing Order.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Nombor?

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, ini 36 (1)—Seorang ahli hendaklah mengadakan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dengan perkara yang dibincangkan itu.

Sebab kita bincang masalah Pindaan Rang Undang-undang iaitu Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara sahaja.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Yang Berhormat . . . . .

**Tuan Karpal Singh:** Tuan Speaker, bolehkah saya menjawab apa yang dibangkitkan?

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Silakan.

**Tuan Karpal Singh:** Tuan Speaker, apa yang saya kata tadi ini jadi satu perbahasan atas polisi, dasar. Oleh kerana itu ini jadi satu perbahasan

yang luas di mana saya boleh bangkitkan perkara-perkara yang ada sangkutan dengan pertahanan negara ini.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Matang telah membangkitkan Peraturan Mesyuarat 36 (1) yang pada pendapatnya Ahli Yang Berhormat dalam isi ucapan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong telah keluar daripada perkara-perkara yang harus diperbincangkan dalam perbahasan berkenaan dengan Rang Undang-undang yang dikemukakan kepada Majlis sekarang. Adalah menjadi pendapat dan keputusan saya bahawa selagi isi ucapan Yang Berhormat dari Jelutong menyentuh dan berkenaan dengan perkara pertahanan, saya membenarkan.

**Tuan Karpal Singh:** Terima kasih, Tuan Speaker. Malaysia mesti menentukan isu Amboyna Cay diselesai secara untung kita. Kerajaan mesti menjaminkan tentera Vietnam . . . . .

**Tuan Haji Dasuki bin Haji Ahmad:** Saya harap mendapat penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua sendiri dalam perkara ini dan apa yang disebutkan oleh Wakil dari Jelutong baru sekejap tadi bahawa ucapan beliau ialah perkara-perkara yang ada hubungan dengan pertahanan. Sebenarnya apa yang berada di hadapan kita hari ini Rang Undang-undang yang membincangkan soal Tabung Pertahanan Negara. Tabung Pertahanan berbeza dengan pertahanan. Pertahanan satu perkara yang lain dan tabung pertahanan itu ialah suatu perkara yang lain daripada apa yang dimaksudkan dengan pertahanan, pada hemat saya.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat daripada Tumpat telah meminta huraian daripada saya tentang perkara-perkara dalam perkara pertahanan yang boleh dibangkitkan dalam perbahasan.

Bagi saya dan saya berpendapat perbahasan di bawah Rang Undang-undang ini haruslah dibawa dan menyentuh perkara-perkara kebajikan yang bersangkutan dengan Angkatan Tentera dan menyentuh anggota-anggota di bawah bidang tugas Kementerian Pertahanan. Saya minta Ahli Yang Berhormat dari Jelutong sila bawa ucapan di dalam rangka itu.

**Tuan Karpal Singh:** Tuan Speaker, tajuk ucapan saya yang akhir sekali atas Amboyna Cay. Bolehkah saya bercuap atas isu itu, jikalau tidak. . .

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Gulung sedikit sahaja, kemudian terus kepada isi yang berkenaan.

**Tuan Karpal Singh:** Jikalau Tuan Speaker buat satu keputusan isu ini tidak ada dalam perbahasan, saya ingat . . . . .

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ya, bagi saya isu Amboyna Cay ialah isu dasar luar.

**Tuan Karpal Singh:** Oleh kerana itu saya tidak boleh berucap?

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ya, tidak boleh.

**Tuan Karpal Singh:** Tidak boleh. Sekian, terima kasih, Tuan Speaker, tidak ada apa-apa yang lain lagi.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab dan mengulung.

6.22 ptg.

**Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana keputusan yang telah dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua itu tidak ada lagi saya hendak mengulung. Apa-apa perkataan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Jelutong itu tidak ada berkaitan dengan tajuk Rang Undang-undang yang dikemukakan di hadapan kita.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Tidak ada apa-apa yang hendak digulung?

**Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tidak ada apa-apa yang hendak digulung, hujah-hujarnya semua out of point.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh *mempengerusikan Jawatankuasa*).

*Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.*

*Pendahuluan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.*

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### RANG UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH PERSEKUTUAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.25 ptg.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Puan Sharifah Dorah binti Syed Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Akta bagi menganunkan peruntukan-peruntukan

Islam mengenai Perkahwinan, Perceraian, Nafkah, Penjagaan dan lain-lain perkara berkaitan dengan kehidupan keluarga dibaca kali kedua sekarang.

Akta ini dikenali sebagai Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan, 1984 dan terpakai hanya bagi Wilayah Persekutuan. Undang-undang baharu ini perlu diadakan bagi melengkap dan memperkemaskan peruntukan-peruntukan mengenai keluarga Islam yang terdapat dalam Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam Wilayah Persekutuan, 1974 yang berkuatkuasa sekarang. Peruntukan-peruntukan mengenai keluarga Islam yang terdapat di dalam Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam Wilayah Persekutuan 1974 sangat tidak lengkap dan terdapat hanya 26 Fasal sahaja. Sebaliknya dalam Undang-undang baharu ini terdapat 10 bab semuanya. Undang-undang ini telah digubal oleh sebuah Jawatankuasa Khas yang dilantik oleh Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Diperingkat Wilayah Persekutuan ia telah dihalusi dari segi hukum syarak oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Ugama Wilayah Persekutuan dari segi menyesuaikan dengan kehendak Wilayah Persekutuan oleh sebuah Jawatankuasa Khas yang dilantik oleh Majlis Ugama Islam Wilayah Persekutuan.

Dalam memperakukan Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984 ini dikuatkuasakan di Wilayah Persekutuan, Majlis Ugama Islam berpegang kepada asas-asas pertimbangan:

1. Pada masa sekarang ini Undang-undang Keluarga yang merupakan sebahagian dari Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam di Wilayah Persekutuan adalah tidak lengkap dan sempurna. Fasal-fasal yang menyentuh hak kekeluargaan hanya diperuntukkan dalam 26 Fasal sahaja dan Undang-undang yang diubahsuai dari Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Selangor 1952. Sementara itu di bawah

Akta baharu yang dicadangkan ini mempunyai 134 Fasal kesemuanya dan terbahagi kepada 10 bab.

2. Undang-undang ini amat perlu diadakan bagi orang Islam memandangkan bagi orang bukan Islam satu Undang-undang baharu bersabit hal perkahwinan iaitu Marriage Reform Law telah diluluskan oleh Parlimen. Oleh yang demikian, orang-orang Islam pun sewajarnya mempunyai Undang-undang Keluarga yang baik yang kemaskini, teratur dan sesuai dengan keperluan masa.
3. Undang-undang Keluarga ini juga dapat menyelesaikan masalah kekeluargaan seperti perceraian dan penjagaan anak-anak seorang lebih teratur dan sempurna. Kerana perkara itu boleh diadili dan diputuskan hukumannya oleh Mahkamah Syariah sebelum daripada itu Mahkamah Syariah hanya mempunyai bidangkuasa yang terbatas dengan keluarga Islam. Di bawah Undang-undang yang berkuatkuasa sekarang terdapat beberapa contoh kelemahan seperti berikut:

Umur saraan nafkah terhadap anak-anak jika berlaku perceraian adalah setakat di bawah umur 15 tahun. Itu tidak menepati dengan kehendak semasa kerana kanak-kanak dalam umur lingkungan tersebut masih lagi dalam persekolahan dan belum mempunyai apa-apa mata pencarian sendiri. Oleh itu di bawah Undang-undang baharu yang dicadangkan had umur itu ditetapkan 18 tahun dan selepas daripada itu boleh diputuskan oleh Mahkamah Syariah jika ada alasan-alasan dan sebab-sebab yang munasabah.

Di bawah Undang-undang baharu juga masalah hazanah atau penjagaan anak diberi perhatian yang rapi dan terperinci, umpamanya ibu adalah orang yang paling berhak menjaga anaknya yang di bawah umur. Jika berlaku satu-satu perceraian kecuali Mahkamah mendapati sebab-sebab yang khusus ibu hilang kelayakannya. Ibu adalah orang yang berhak ke atas penjagaan anak-anak jika lelaki sehingga berumur 7 tahun dan perempuan 9 tahun, selepas itu kanak-kanak tersebut berhak memilih untuk tinggal sama ada bersama bapa atau ibunya.

Di bawah undang-undang baharu juga diperuntukkan had umur pada perkahwinan. Bagi lelaki ditetapkan 18 tahun ke atas dan perempuan 16 tahun ke atas kecuali atas sebab-sebab tertentu yang mendapat kebenaran Hakim Mahkamah Syariah. Undang-undang baharu juga memperuntukkan peruntukan yang lebih sempurna dalam masalah berpoligami dan begitu juga

hal yang bersangkutan dengan pemberian maskahwin. Bagaimanapun, maskahwin tiada ditetapkan bergantunglah kepada huruf atau kebiasaan yang berlaku pada masa-masa yang tertentu.

Dari contoh-contoh itu adalah didapati Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan, 1984 adalah suatu Akta Keluarga yang lengkap dan yang kemaskini yang sepatutnya dikuatkuasakan segera di Wilayah Persekutuan.

Di bawah Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan, 1984 ini Hukum Syarak telah ditakrifkan secara umum sahaja . . . . .

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Yang Berhormat, masanya sudah tiba supaya Dewan ini ditangguhkan. Saya minta Yang Berhormat teruskan esok.

**Puan Sharifah Dorah binti Syed Mohamed:** Baik, terima kasih.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan akan bersidang semula pada pukul 3.00 petang esok.

*Dewan di tangguhkan pada pukul 6.30 petang.*